

Cadangan Pertubuhan Cina terhadap Rancangan Malaysia Kesembilan

Matlamat dan Strategi

Kerajaan sedang merangka Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) (2006-2010). Rancangan lima tahun ini merupakan penentu yang penting bagi negara kita mencapai matlamat Wawasan 2020.

Kami menyambut baik ajakan kerajaan supaya semua pihak dapat bersama-sama menyumbangkan pandangan terhadap RMK-9. Kami berpendapat ajakan kerajaan itu menunjukkan sikap positifnya untuk menjadikan RMK-9 itu benar-benar mencerminkan aspirasi dan hasrat rakyat.

Negara kita adalah sebuah negara yang berbilang kaum, budaya, bahasa dan agama, tanggungjawab kerajaan ialah membangunkan setiap lapisan rakyat tanpa mengira bangsa, agama dan latar belakang mereka. Maka kami memohon agar tidak ada mana-mana pihak atau golongan rakyat yang tertinggal atau terbiar dalam RMK-9.

Memandangkan RMK-9 akan mendatangkan kesan yang besar kepada pembangunan negara, kami telah mengumpulkan pandangan dan maklum balas daripada persatuan-persatuan Cina utama di masyarakat Cina dan Dewan Perhimpunan Cina di setiap negeri. Kami memohon agar pandangan daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di masyarakat Cina itu akan diserap kepada RMK9.

Pandangan kami terhadap RMK-9 tertumpu kepada bidang sosial, pendidikan, budaya dan ekonomi, dengan hasrat untuk mencapai matlamat-matlamat berikut:

- (1) menggalakkan perpaduan rakyat berbilang kaum,
- (2) melahirkan warga yang berilmu tinggi, rajin dan berbudi,
- (3) membangunkan ekonomi negara dan memperingkatkan daya saing negara di arena antarabangsa,
- (4) menggalakkan perkembangan kebudayaan pelbagai kaum.

Dari segi social, kami mementingkan perpaduan di antara semua kaum, dan memohon agar keutamaan ditumpukan kepada membasmikan kemiskinan, mempercepatkan pembangunan di kampung baru Cina, meningkatkan pembangunan belia, mempertahankan hak-hak wanita, membantu golongan kurang upaya dan mencegah jenayah.

Pada bidang pendidikan, kami memohon agar semua aliran sekolah diberikan peruntukan dan peluang pembangunan yang sama di samping memperingkatkan mutu pendidikan kepada semua kaum.

Kepentingan pendidikan menjadi bertambah bukan saja dari segi penyediaan warga yang berilmu,

ia juga akan menyediakan tenaga kerja mahir dan pakar dalam bidang tertentu yang diperlukan untuk pembangunan negara.

Di samping itu bidang pendidikan akan memberi sumbangan yang besar kepada ekonomi negara apabila negara kita menjadi pusat pendidikan di rantau ini.

Pandangan kami terhadap bidang budaya ialah disasarkan kepada pembangunan budaya pelbagai kaum.

Kelebihan dan keistimewaan kita dalam bidang budaya ialah budaya pelbagai kaum yang beranekaragam dan unik. Setiap kelompok komuniti mempunyai budaya masing-masing, dan setiap budaya itu merupakan aset yang bernilai kepada negara dan juga daya penarik yang kuat untuk pelancong dari luar negeri.

Untuk memperkayakan aset itu serta membina sebuah masyarakat Malaysia yang maju, dan liberal, kami mengesyorkan agar RMK-9 memberi bantuan dan galakan kepada perkembangan budaya pelbagai kaum.

Pada bidang ekonomi, peningkatan kecekapan pihak swasta dan kerajaan serta daya saing negara hendak diutamakan.

Dalam pada itu, kami menekankan pembangunan sektor perkilangan serta industri kecil dan sederhana yang selama ini telah memberi sumbangan yang besar kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Kami berkeyakinan dengan usaha semua pihak termasuk parti politik, pertubuhan bukan kerajaan, akademik, pakar ekonomi dan sektor swasta, RMK-9 itu akan memenuhi kehendak pembangunan negara dan hasrat setiap lapisan masyarakat.

Maka, kami persatuan-persatuan yang menandatangai di bawah mengemukakan cadangan kami terhadap Rancangan Malaysia Kesembilan:

SOSIAL

A. Pendahuluan

Untuk mengeratkan perpaduan di antara

semua kaum, menjaga kestabilan masyarakat, mempercepatkan pembangunan ekonomi negara dan meningkatkan persaingan negara kita di arena antarabangsa, kami meyeru kerajaan meneliti cadangan mengenai sosial yang dikemukakan oleh 7 organisasi-organisasi bukan kerajaan yang mewakili masyarakat Cina sebelum merangka Pelan Malaysia Kesembilan. Cadangan ini meliputi 18 bidang-bidang seperti berikut:

1. Membasmikan kemiskinan;
2. Menggeratkan perpaduan di antara semua kaum;
3. Meningkatkan kampung baru Cina;
4. Melayan pekerja dengan adil;
5. Membina rumah kos rendah;
6. Meningkatkan perkhimatan perawatan;
7. Meningkatkan pembangunan belia;
8. Mempertahankan hak-hak wanita;
9. Membantu golongan cacat;
10. Meningkatkan kebajikan golongan tua;
11. Mempercepatkan proses permohonan kerakyatan Malaysia;
12. Menyingkirkan pendatang haram;
13. Menyiarkan lebih banyak program TV Cina dan India;
14. Mengurangkan pencemaran alam sekitar;
15. Meningkatkan perkhimatan pengangkutan awam;
16. Membantu kubur kebajikan Cina;
17. Melongarkan syarat membarui lesen pencetakan surat-khabar;
18. Membasmikan jenayah

B. Cadangan

1. Membasmikan kemiskinan

Kami menyokong dasar dan pelan kerajaan untuk membasmikan kemiskinan dan ketinggalan di kalangan golongan termiskin tanpa mengira kaum.

Mengikut Kajian Semula Pertengahan Pelan Malaysia Kelapan, ia menunjukkan pada tahun 2002, kadar kemiskinan Bumiputera adalah 7.3%, orang Cina adalah 1.5%, manakala orang India ialah 1.9%.

Kami mengemukakan cadangan bahawa

sebarang usaha kerajaan untuk membasmikan kemiskinan tidak seharusnya terhad kepada kampung Bumiputera, kampung baru Cina, estet India dan tempat terpencil yang didiami oleh semua kaum di Malaysia Timur. Usaha ini sepatutnya meliputi bandar yang diduduki oleh semua kaum. Mengikut Kajian Semula Pertengahan Pelan Malaysia Kelapan, ia pula menunjukkan pada tahun 2002, kadar kemiskinan di bandar tetap berada pada kadar 2%.

Oleh yang demikian, kami mengemukakan cadangan bahawa kerajaan menaikkan peruntukan dari RM300.0 juta asalnya (Pelan Malaysia Ketujuh) ke nilai RM500.0 juta dalam Pelan Malaysia Kesembilan kepada Amanah Ikhtiar Malaysia untuk melaksanakan pelan membasmikan kemiskinan.

Kami pula mengemukakan cadangan bahawa kerajaan menggunakan piawai pendapatan yang berlainan untuk menentukan kemiskinan di antara bandar dan kampung.

2. Mengeratkan perpaduan di antara semua kaum

Kami mengemukakan cadangan bahawa strategik-strategik berikut boleh digunakan bagi mengeratkan perpaduan dan memupuk perasaan muhibah di antara semua kaum supaya mereka boleh tinggal bersama dengan aman dan damai:

- (1) menguatkan semangat kesetian rakyat kepada negara;
- (2) mempertahankan hak-hak setiap kaum berdasarkan perlembagaan, menghapuskan sebarang fahaman sempit dan diskriminasi terhadap mana-mana kaum;
- (3) mengeratkan perhubungan dan komunikasi di antara semua kaum, menggalakkan kerjasama di antara pertubuhan-pertubuhan setiap kaum;
- (4) mengeratkan perasaan muhibah dan kerjasama di antara polis dan rakyat;
- (5) memupuk dan meningkatkan semangat kerakyatan dan kewajiban sosial;
- (6) menggalakkan semangat bertoleransi,

persefahaman dan mengamalkan praktik tolak-ansur;

- (7) menhapuskan fahaman perkauman dan menggalakkan fahaman multilateralisme bagi mengeratkan perhubungan di antara semua kaum;
- (8) mengkaji semula amalan penggunaan istilah "Bumiputera" dan "bukan Bumiputera";
- (9) menguatkan struktur, kuasa dan aktiviti-aktiviti Jabatan Perpaduan Negara; dan
- (10) melaksanakan dasar meritokrasi bagi meningkatkan persaingan negara di arena antarabangsa.

Kami berpendapat bahawa perpaduan di antara semua kaum merupakan suatu perkara yang kritikal bagi pembangunan berterusan ekonomi negara. Sesuatu negara di mana rakyatnya tidak bersatu, maka masyarakatnya akan tidak stabil, pelaburan asingnya akan berhenti dan pembangunan ekonomi negaranya pula akan terganggu.

Oleh yang demikian, kami mengemukakan cadangan bahawa kerajaan memperuntukkan lebih banyak peruntukan dalam Pelan Malaysia Kesembilan kepada Jabatan Perpaduan Negara untuk melaksanakan aktitivi-aktiviti mengeratkan perpaduan dan memupuk perasaan muhibah di antara semua kaum.

3. Meningkatkan kampung baru Cina

Kampung baru Cina menghadapi banyak masalah seperti berikut:

- (1) kekurangan kemudahan asas;
- (2) kekurangan tanah dan masalah mengenai lesen tanah;
- (3) pengangguran; dan
- (4) tahap pendidikan yang rendah (berbanding dengan bandar).

Sejak tahun 2000 hingga tahun 2004 (Pelan Malaysia Kelapan), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah memperuntukkan kepada 450

kampung-kampung baru Cina sebanyak RM268.16 juta, tiap-tiap kampung baru Cina mendapat RM595.911 ribu puratanya. Peruntukan ini hanya merupakan 3.1% dari seluruh peruntukan yang berjumlah RM8.677 billion dalam Pelan Malaysia Kelapan.

Oleh yang demikian, kami mengemukakan cadangan bahawa kerajaan memperuntukkan RM500.0 juta dalam Pelan Malaysia Kesembilan kepada 450 kampung-kampung baru Cina supaya pembangunannya boleh dipercepatkan terutamanya untuk kampung-kampung baru Cina ‘Kelas C’.

Di samping itu, kami pula mengemukakan cadangan bahawa strategik-strategik berikut boleh digunakan untuk menyelesaikan semua masalah yang dihadapi oleh kampung baru Cina:

- (1) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan harus menambahkan peruntukan bagi meningkatkan kemudahan asas kampung baru Cina seperti membina jalan, longkang, pasar, dewan masyarakat, mencantikkan dan menjaga kesihatan kampung baru Cina;
- (2) kerajaan negeri harus memperuntukkan tanah untuk menyelesaikan masalah kekurangan tanah di kampung baru Cina;
- (3) kerajaan negeri harus melanjutkan tempoh lesen tanah sampai 99 tahun bagi semua kampung baru Cina; dan
- (4) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan harus menggalakkan tiap-tiap kampung baru Cina membangunkan industri yang sesuai dengan keunikannya untuk menyelesaikan pengangguran yang serius itu.

4. Melayan pekerja dengan adil

Untuk memastikan pekerja mendapat layanan yang sewajarnya dan adil, kami mengemukakan cadangan-cadangan berikut:

- (1) menentukan gaji rendah yang sewajarnya bagi setiap bidang pekerjaan;
- (2) meminda Akta Kesatuan Pekerja supaya pekerja

bebas mengambil bahagian dalam Kesatuan ini atau mengambil bahagian dalam parti politik dan pertubuhan bukan kerajaan secara aktif;

- (3) melaksanakan sistem kebajikan sosial bagi menjaga penganggur, orang yang tidak berupaya bekerja, orang tua dan orang lain yang malang;
- (4) memastikan semua pekerja mendapat gaji yang sama dengan kerja yang sama tidak mengira jantina dan kaum;
- (5) memastikan rancangan-rancangan keselamatan dan kesihatan dipatuhi di semua kilang dan tempat pekerjaan lain; dan
- (6) memastikan piawai pekerja antarabangsa dipatuhi di semua bidang ekonomi, termasuk pertubuhan-pertubuhan kerajaan.

Pada era k-economii, kami berpendapat bahawa pekerja mesti mendapat pendidikan dan latihan semula secara berterusan bagi meningkatkan ilmu dan kemahiran mereka. Pekerja-pekerja yang berilmu dan berkemahiran hanya boleh meningkatkan persaingan ekonomi negara di arena antarabangsa.

Oleh yang demikian, kami mengemukakan cadangan bahawa kerajaan memperuntukkan lebih banyak peruntukan dalam Pelan Malaysia Kesembilan kepada Kementerian Sumber Manusia bagi memberikan pendidikan dan latihan semula kepada semua pekerja tanpa mengira kaum.

5. Membina rumah kos rendah

Kerajaan harus membina rumah kos rendah dengan perancangan yang baik pada tempat yang sesuai untuk semua kaum bagi mencapai matlamatnya “Semua Orang Berumah”. Pada masa yang sama, kerajaan harus mengawal pasaran rumah untuk mengawal harga dan mengelakkan aktiviti-aktiviti spekulasi.

Oleh yang demikian, kami mengemukakan cadangan bahawa kerajaan menaikkan peruntukan dari RM2.2 billion asalnya (Pelan Malaysia Kelapan)

ke nilai RM3.0 billion dalam Pelan Malaysia Kesembilan bagi membina lebih banyak rumah kos rendah untuk golongan miskin tanpa mengira kaum

6. Meningkatkan perkhimatan perawatan

Seperti pengetahuan umum, perkhimatan perawatan awam masih tidak memuaskan dan kos perkhimatan perawatan swasta semakin meningkat. Kerajaan perlu mengambil tindakan yang sewajarnya bagi menyelesaikan masalah-masalah tersebut. Kerajaan harus menubuhkan satu "Sistem Perkhimatan Perawatan Nasional" untuk memastikan golongan yang berpendapatan rendah dapat perkhimatan perawatan yang sewajarnya.

Oleh yang demikian, kami mengemukakan cadangan bahawa kerajaan menaikkan peruntukan dari RM5.5 billion asalnya (Pelan Malaysia Kelapan) ke nilai RM8.25 billion dalam Pelan Malaysia Kesembilan bagi memberikan perhhimatan perawatan yang lebih sempurna kepada semua kaum. Kami berpendapat bahawa peruntukan bagi Pelan Malaysia Kesembilan adalah 50% lebih tinggi dari peruntukan bagi Pelan Malaysia Kelapan dan ini ialah satu kadar yang berpatutan sebab peruntukan bagi Pelan Malaysia Kelapan pula adalah 47.3% lebih tinggi dari peruntukan bagi Pelan Malaysia Ketujuh.

7. Meningkatkan pembangunan belia

Pada masa kini, ramai belia dipengaruhi oleh budaya lucah dan penyalahgunaan dadah, pokoknya adalah disebabkan kekurangan aktiviti-aktiviti yang sihat bagi belia. Kerajaan, terutamanya Kementerian Belia dan Sukan harus menyediakan lebih banyak peluang dan menggalakkan belia yang terdiri dari semua kaum mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti sosial, budaya dan kerajaan.

Sebarang akta yang menyekat aktiviti-aktiviti belia dan penuntut seperti Akta Universiti dan Kolej Universiti harus dikaji semula. Sistem pendidikan kami pula harus mengeluarkan penuntut dan belia yang

mampu membuat analisa, berpandangan inovatif, berfahaman demokratik dan prihatin terhadap orang lain dan negara.

Pada masa yang sama, kami mengemukakan cadangan bahawa kerajaan meminda Draf Akta Pembangunan Belia 2003 bagi membolehkan persatuan belia yang terletak di bawah persatuan/pertubuhan induk boleh dimasukkan dalam "Senerai Persatuan Belia" supaya ia boleh dapat peruntukan dan bantuan dari Kementerian Belia dan Sukan.

Mengikut Pelan Malaysia Kelapan, ia menunjukkan bahawa pada tahun 2005 negara kita mempunyai 4.98 juta belia-belia (15 tahun hingga 24 tahun) dan golongan ini menanggung lebih kurang 20% dari jumlah penduduk Malaysia (setakat tahun 2004, jumlah penduduk Malaysia adalah 25.581 juta orang), ini ialah satu kadar yang agak tinggi.

Oleh yang demikian, kami mengemukakan cadangan bahawa kerajaan memperuntukkan lebih banyak peruntukan dalam Pelan Malaysia Kesembilan kepada Kementerian Belia dan Sukan bagi menjalankan progarm-program berikut untuk melatih belia-belia yang terdiri dari berbilang kaum menjadi orang yang berguna kepada masyarakat dan negara:

- (1) latihan kepimpinan yang berkualiti;
- (2) latihan kemahiran;
- (3) latihan keusahawanan;
- (4) latihan kehidupan yang sihat;
- (5) mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti sukan;
- (6) mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti budaya; dan
- (7) mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti lain yang baik dari segi rohani dan jasmani.

Peruntukan tersebut harus diserahkan kepada belia-belia yang terdiri dari semua kaum dengan adil dan saksama bagi menjalankan aktiviti-aktiviti tersebut.

8. Mempertahankan hak-hak wanita

Kami mengemukakan cadangan-cadangan berikut:

- (1) melaksanakan dasar adil dan saksama terhadap semua lelaki dan wanita dalam bidang-bidang berlainan seperti politik, ekonomi, kebudayaan, pendidikan dan sosial;
- (2) mengajar orang umum dari pelbagai aspek supaya mereka mengetahui dan menghormati hak-hak, kedudukan dan kehormatan wanita;
- (3) pihak berkuasa perlu mengambil tindakan yang tegas terhadap sebarang buku dan media massa yang terlalu menonjolkan unsur-unsur sex;
- (4) pihak berkuasa perlu mengambil tindakan yang tegas terhadap sebarang gangguan sex kepada kaum wanita di tempat pekerjaan dan di luar tempat pekerjaan;
- (5) Menjatuhkan hukuman yang berat terhadap perogol dan pelaku sex kasar terhadap kaum wanita;
- (6) menggubal akta bagi menjaga wanita yang diseksa oleh suaminya;
- (7) menghalang tindakan media massa yang menjatuhkan imej kaum wanita;
- (8) meningkatkan pendidikan sex bagi kaum wanita; dan
- (9) menubuhkan pusat-pusat asuhan anak umum dan kemudannya supaya kaum wanita dapat peluang yang sama mengambil bahagian dalam aktiviti pelbagai sektor.

Mengikut Pelan Malaysia Kelapan, kaum wanita menganggungi 48.9% (tahun 2002) dari jumlah penduduk Malaysia dan kaum wanita menganggungi 34.5% (tahun 2002) dari jumlah sumber manusia Malaysia. Dari angka-angka ini, kita boleh lihat kaum wanita memang memainkan suatu peranan yang agak penting dalam pembinaan negara.

Oleh yang demikian, kami mengemukakan cadangan bahawa kerajaan memperuntukkan lebih banyak peruntukan dalam Pelan Malaysia

Kesembilan kepada Kementerian Wanita, Keluarga dan Pembangunan Sosial bagi melaksanakan program-program untuk menjaga ibu tunggal dari semua kaum.

Program-program ini adalah seperti memberi latihan kepada ibu tunggal dari semua kaum mengenai selok-belok menjadi seorang ibu tunggal, memberi bantuan kepada ibu tunggal bagi mengatasi masalahnya dan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran ibu tunggal.

9. Membantu golongan cacat

Kami mengemukakan cadangan-cadangan berikut:

- (1) menjaga orang-orang cacat, menyediakan perkhidmatan perawatan yang sewajarnya, membantu dan menolong mereka berdikari, membangunkan potensi mereka supaya mereka boleh diterima oleh masyarakat, mengambil bahagian dalam seluruh hal dan aktiviti masyarakat, dan mengupayakan supaya mereka memiliki peluang yang sama seperti rakyat lain;
- (2) melalui media massa, melaporkan dan memberi penghormatan kepada perkara cabaran yang telah dilakukan oleh orang cacat.
- (3) memberi peruntukan spesifik bagi membantu orang-orang asli untuk meningkatkan tahap pendidikan dan taraf hidup mereka; dan
- (4) membantu orang-orang yang kehilangan pergantungan dengan memberi segala pertolongan dan kemudahan yang sesuai bagi mereka.

Oleh yang demikian, kami mengemukakan cadangan bahawa kerajaan memperuntukkan lebih banyak peruntukan dalam Pelan Malaysia Kesembilan bagi membantu golongan cacat.

10. Meningkatkan kebajikan golongan tua

Kami mengemukakan cadangan-cadangan berikut:

- (1) membina lebih banyak tempat rehat atau taman

dan tempat atau pusat sosial untuk golongan tua mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang berfaedah dari segi rohani dan jasmani; dan

- (2) menyediakan segala kemudahan bagi menjaga kebajikan golongan tua.

11. Mempercepatkan proses permohonan kerakyatan Malaysia

Kami mengemukakan cadangan-cadangan berikut:

- (1) tahap dan prosedur permohonan bagi kerakyatan harus diringkaskan;
- (2) kerajaan harus mengendalikan permohonan-permohonan dengan cepat; dan
- (3) kerajaan harus membantu "penduduk-penduduk yang tiada kerakyatan negara" dan kedudukan mereka harus dikaji semula. Demi pendirian perikemanusiaan, kerajaan harus menghulurkan pertolongan kepada mereka.

Oleh yang demikian, kami mengemukakan cadangan bahawa kerajaan memperuntukkan lebih banyak peruntukan dalam Pelan Malaysia Kesembilan bagi menubuhkan sebuah jawatankuasa khas untuk menyelesaikan permohonan-permohonan yang terlalu banyak itu. Mengikut laporan, Malaysia mempunyai lebih kurang 500 ratus ribu pemegang-pemegang kad pengenalan merah.

12. Menyingkirkan pendatang haram

Kerajaan harus menujuhan sebuah jawatankuasa khas dengan cepat bagi mengkaji semula secara menyeluruh pendatang-pendatang haram dari Indonesia, Filipina dan negara-negara lain supaya mereka tidak melucutkan peluang pekerjaan rakyat kita dan tidak pula mengganggu keselamatan dan ketenteraman sosial kita.

Oleh yang demikian, kami mengemukakan cadangan bahawa kerajaan memperuntukkan lebih banyak peruntukan dalam Pelan Malaysia Kesembilan kepada Kementerian Dalam Negeri bagi menyingkirkan

pendatang-pendatang haram dengan lebih berkesan. Malaysia mempunyai lebih 1.5 juta pendatang-pendatang haram, jika kerajaan ingin menyingkirkan kesemua golongan ini, maka pembelanjaan tersebut akan diperlukan.

13. Menyiarkan lebih banyak program TV Cina dan India

Media massa rasmi kerajaan jarang melaporkan atau mengetepikan aktiviti-aktiviti sosial dan kebudayaan masyarakat bukan Bumiputera. Kami berpendapat bahawa media massa rasmi kerajaan adalah dimiliki oleh semua rakyat, ia harus memberi layanan yang adil dan saksama kepada semua kaum dengan memberi perhatian yang sewajarnya dan melaporkan lebih banyak aktiviti-aktiviti sosial dan kebudayaan masyarakat bukan Bumiputera.

Oleh yang demikian, kami mengemukakan cadangan bahawa kerajaan memperuntukkan lebih banyak peruntukan dalam Pelan Malaysia Kesembilan kepada Kementerian Penerangan bagi mengeluarkan lebih banyak program-program tempatan untuk masyarakat Cina dan India.

14. Mengurangkan pencemaran alam sekitar

Untuk mengurangkan pencemaran alam sekitar dengan berkesan, kerajaan perlu mengadakan strategik-strategik penjagaan alam sekitar yang berpandangan jauh dan menubuhkan sebuah jawatankuasa bertanggungjawab bagi memantau dan memeriksa pencemaran alam sekitar kita dan pada masa yang sama, mengambil tindakan tegas terhadap sesiapa yang mencemarkan alam sekitar kita supaya kebersihannya selalu dijamin. Di samping itu, pihak kerajaan perlu meningkatkan kesedaran rakyat terhadap penjagaan alam sekitar melalui pendidikan.

Oleh yang demikian, kami mengemukakan cadangan bahawa kerajaan memperuntukkan lebih banyak peruntukan dalam Pelan Malaysia Kesembilan bagi mengurangkan pencemaran alam sekitar kita.

15. Meningkatkan perkhimat pengangkutan awam

Kemudahan pengangkutan awam negara kita terutamanya di bandar besar, memang tidak memuaskan. Kerajaan perlu meningkatkan perkhimat pengangkutan awam dan menyediakan suatu sistem pengangkutan awam yang murah dan berkesan.

Oleh yang demikian, kami mengemukakan cadangan bahawa kerajaan menaikkan peruntukan dari RM756.0 juta asalnya (Pelan Malaysia Kelapan) ke nilai RM1.2348 billion dalam Pelan Malaysia Kesembilan bagi meningkatkan perkhimat pengangkutan awam di bandar besar.

Kami berpendapat bahawa peruntukan bagi Pelan Malaysia Kesembilan adalah 75% lebih tinggi dari peruntukan bagi Pelan Malaysia Kelapan dan ini ialah satu kadar yang berpatutan sebab peruntukan bagi Pelan Malaysia Kelapan pula adalah 74.5% lebih tinggi dari peruntukan bagi Pelan Malaysia Ketujuh.

16. Membantu kubur kebajikan Cina

Sejak lebih 100 tahun, kubur kebajikan Cina selalu menghadapi pelbagai masalah seperti kekurangan tempat perkuburan, kesusahan untuk mendapat tempat perkuburan yang baru, kekurangan wang bagi mencantikkan dan menjaga tempat perkuburan.

Oleh yang demikian, kami mengemukakan cadangan bahawa kerajaan memperuntukkan RM100.0 juta dalam Pelan Malaysia Kesembilan bagi membayai kos-kos berikut:

- (1) memberi tanah perkuburan percuma kepada pengurusan kubur kebajikan Cina di mana didapati kekurangannya;
- (2) memberi peruntukan secara berterusan kepada lebih 500 buah kubur-kubur kebajikan Cina bagi membina kemudahan-kemudahan asas seperti jalan, longkang dan mencantikkan tempat perkuburan.
- (3) menyediakan tanah dan peruntukan bagi mana-mana pengurusan tanah perkuburan supaya ia

boleh membina tempat pembakaran mayat dan pagoda penyimpanan abu tulang, cara ini akan mengurangkan saiz tempat perkuburan yang diperlukan.

17. Melongarkan syarat membarui lesen pencetakan surat-khabar

Menurut akta terkini, pemilik surat-khabar kena memohon kepada kerajaan untuk membarui lesen pencetakannya setiap tahun. Kerajaan mempunyai kuasa mutlak bagi meluluskan atau menghalang sebarang pertubuhan atau individu mengeluarkan surat-khabar. Di bawah keadaan ini, pengeluaran surat-khabar dan laporannya memang tersekat. Maka, kami menyeru pihak berkuasa melonggarkan syarat membarui lesen pencetakan surat-khabar dan menghapuskan sebarang sekatan pencetakan surat-khabar bagi menggalakkan kebebasan suara.

18. Membasmikan jenayah

Untuk membasmikan jenayah dengan berkesan, kerajaan perlu meminda Akta Keseksaan bagi meninggikan hukuman ke atas penjenayah supaya orang ramai takut melakukan apa-apa bentuk jenaya.

PENDIDIKAN

A. Pendahuluan

Negara kita merupakan sebuah negara yang dibina dan dibangunkan bersama oleh rakyat berbilang kaum. Semenjak kemerdekaan negara pada tahun 1957, Perlembagaan Persekutuan yang digubal sebagai asas penting penubuhan negara menghormati pemeliharaan dan pembangunan pelbagai bahasa, budaya dan agama masyarakat berbilang kaum di negara kita.

Ordinan Pelajaran 1957 yang digubal menjelang kemerdekaan negara telah menyatakan dalam Seksyen 3 ordinan tersebut untuk menyokong pelaksanaan suatu dasar pendidikan negara yang bersifat kepelbagaian yang dapat memenuhi pendidikan bahasa ibunda. Seksyen tersebut juga menyatakan kehendaknya untuk

mengadakan satu sistem pendidikan negara yang dapat diterima oleh semua rakyat berbilang kaum bagi memenuhi keperluan dan pembangunan setiap kaum dalam bidang budaya, sosial, ekonomi dan sebagainya. Ia juga menyatakan kehendaknya untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan pada masa yang sama memelihara dan meneruskan kesinambungan pembangunan bahasa dan budaya masyarakat bukan Melayu di negara ini.

Berasaskan semangat Perlembagaan Persekutuan, amalan menghormati aspirasi dan hak asasi manusia setiap kaum untuk menerima dan membangunkan pendidikan bahasa ibunda, serta prinsip ibu bapa berhak memilih jenis pendidikan untuk anaknya, maka dasar "satu kurikulum bersama, pelbagai aliran sekolah yang berlainan bahasa pengantar" adalah menepati keadaan masyarakat berbilang kaum di negara kita.

B. Lapan Isu Dan Cadangan Penyelesaian

1. Melaksanakan Rancangan Integrasi Murid-Murid Untuk Perpaduan

Kami mengalu-alukan kerajaan melaksanakan semula Rancangan Integrasi Murid-murid Untuk Perpaduan yang dilancarkan pada tahun 1986 oleh Perdana Menteri semasa beliau memegang portfolio Menteri Pelajaran. Rancangan tersebut adalah praktikal untuk dilaksanakan. Pada masa itu, ia memberi kesan positif dari segi memperkuuhkan interaksi, persefahaman, perpaduan dan kerjasama di kalangan murid-murid dan guru-guru dari sekolah rendah yang berlainan bahasa pengantar. Oleh itu, rancangan tersebut patut dilaksanakan dan bukannya diketepikan begitu sahaja.

Selain itu, memandangkan Program Sekolah Wawasan yang dilancarkan pada tahun 1995 dan 2000 mencetuskan banyak kontroversi, maka ia bukan sahaja tidak dapat membawa perpaduan kaum, malah menimbulkan rasa tidak senang hati dan kebimbangan di kalangan rakyat berbilang kaum. Oleh itu, pelaksanaan

Program Sekolah Wawasan sepatutnya dibatalkan.

Kami berpendapat bahawa usaha untuk mempertingkatkan perpaduan kaum memerlukan perbincangan dan buah fikiran daripada pelbagai pihak. Ia juga harus mengambil kira keadaan sebenar di setiap kawasan supaya dapat berusaha bersama-sama ke arah perpaduan kaum melalui pelbagai saluran dan pendekatan.

Cadangan:

Kami mencadangkan supaya kerajaan melaksanakan semula Rancangan Integrasi Murid-murid Untuk Perpaduan (RIMUP). Kami juga mencadangkan supaya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan dapat menggubal dan mengumumkan maklumat terperinci berkaitan pelaksanaan RIMUP, serta memperuntukkan wang kepada sekolah-sekolah semua aliran bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti yang ditetapkan dalam RIMUP.

2. Menggunakan Semula Bahasa Ibunda Sebagai Bahasa Pengantar Dan Bahasa Peperiksaan Bagi Mata Pelajaran Sains Dan Matematik Di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina

Kami bersetuju bahawa bahasa Inggeris adalah penting. Sejak awal-awal lagi iaitu pada tahun 1982, masyarakat Cina telah mengemukakan memorandum pendidikan kepada kerajaan bercadang supaya mata pelajaran Bahasa Inggeris diajarkan di sekolah rendah Cina bermula dari darjah satu tetapi kerajaan tidak menerima cadangan tersebut.

Kami menyokong usaha kerajaan untuk mempertingkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris di kalangan rakyat, tetapi kaedah yang diambil haruslah menepati prinsip-prinsip pengajaran dan pembelajaran bahasa, iaitu mempertingkatkan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris dari segi matlamat pengajaran dan pembelajaran, kurikulum, bahan pengajaran, kaedah mengajar, perguruan dan kemudahan pendidikan lain yang berkenaan supaya

menepati prinsip-prinsip pendidikan.

Cadangan:

Kami mencadangkan supaya kerajaan memulihkan penggunaan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar dan bahasa peperiksaan bagi mata pelajaran Sains dan Matematik di semua aliran sekolah rendah. Pada masa yang sama, kerajaan juga harus menambah jumlah masa yang sesuai bagi pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Inggeris, mempertingkatkan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris dari segi matlamat pengajaran dan pembelajaran, kurikulum, bahan pengajaran, kaedah mengajar, perguruan, kemudahan pendidikan dan mengambil langkah-langkah lain yang menepati prinsip-prinsip pengajaran dan pembelajaran bahasa.

3. Menyelesaikan Masalah Kekurangan Guru Di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Dengan Sempurna

Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) menghadapi masalah kekurangan guru semenjak kemerdekaan negara kita. Dalam tempoh 20 tahun kebelakangan ini, masalah kekurangan 3 ribu hingga 4 ribu orang guru terlatih yang sekian lama dihadapi oleh SJKC masih tidak dapat diatasi. Menurut jawapan bertulis Kementerian Pelajaran kepada pertanyaan ahli parlimen YB Wee Ka Siong di Dewan Rakyat pada 19 Mei 2004, SJKC masih kekurangan 4780 orang guru terlatih.

Guru yang bertauliah dan mencukupi adalah satu faktor utama untuk mempertingkatkan kualiti pendidikan negara. Tetapi dalam usaha negara membangun ke arah menjadi sebuah negara maju, masalah kekurangan guru di SJKC masih tidak dapat diatasi. Keadaan ini sukar diterima oleh rakyat.

Cadangan:

Kami mencadangkan supaya kerajaan menggubal dan mengumumkan suatu sistem dan

rancangan-rancangan yang sempurna bagi latihan perguruan, penempatan guru, pengambilan semula guru bersara wajib secara kontrak dan sebagainya. Ini bertujuan untuk memastikan SJKC mempunyai guru terlatih yang mencukupi supaya dapat menyelesaikan masalah kekurangan guru yang dihadapinya.

4. Memperbaiki Keadaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Cina Di Sekolah Menengah Kebangsaan

Mengikut anggaran, setiap tahun terdapat lebih kurang 85% murid-murid yang tamat pelajaran dari Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) melanjutkan pelajaran mereka ke Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK). Kelas Bahasa Cina merupakan saluran penting bagi pelajar-pelajar SMK, khasnya para pelajar keturunan Cina untuk mempelajari Bahasa Cina di SMK.

Namun demikian, kelas Bahasa Cina di SMK selama ini tidak mendapat prihatin daripada pihak berkuasa, ini menyebabkan kelas Bahasa Cina di SMK menghadapi pelbagai masalah, antaranya termasuk kekurangan tenaga pengajar Bahasa Cina, kelas Bahasa Cina dijadualkan di luar waktu persekolahan, pihak sekolah tidak mengadakan kelas Bahasa Cina dan sebagainya. Sekiranya masalah-masalah tersebut tidak diselesaikan dengan sempurna, ia akan terus mendaraskan kesan negatif kepada pengajaran dan pembelajaran Bahasa Cina, jumlah pelajar yang mengambil mata pelajaran Bahasa Cina dalam peperiksaan awam, serta menjelaskan profesionalisme guru-guru Bahasa Cina di SJKC dan SMK dari segi kualiti dan latihan.

Pada masa kini, sumber tenaga pengajar kelas Bahasa Cina di SMK adalah terdiri daripada para lepasan Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) yang mengikuti program Bahasa Cina, terdapat juga sebahagiannya merupakan guru-guru bahasa Cina di SJKC dan guru-guru kontrak yang berkhidmat secara sambilan.

Sebelum ini, Program Khas Pensiawazahan

Guru (PKPG, iaitu untuk mereka yang tidak bertaraf ijazah) juga menyediakan kursus Bahasa Cina. Guru-guru bahasa Cina SJKC yang berjaya tamat kursus tersebut dalam tempoh 3 tahun akan dihantar ke SMK untuk mengajar kelas Bahasa Cina. Program berkenaan diadakan sejak tahun 1999, dan setiap tahun kira-kira 100 orang guru Bahasa Cina dari SJKC diambil untuk mengikuti kursus ini. Walau bagaimanapun, mulai tahun 2004, PKPG tidak lagi menawarkan kursus Bahasa Cina.

Cadangan:

- (1) Kami mencadangkan supaya kerajaan menggubal dan mengumumkan suatu sistem dan rancangan-rancangan yang sempurna untuk meningkatkan pengambilan guru-guru pelatih melalui penawaran pelbagai program latihan perguruan agar dapat menghasilkan tenaga pengajar Bahasa Cina yang mencukupi untuk mengajar di sekolah menengah.
- (2) Kami mencadangkan supaya kelas Bahasa Cina dijadualkan di dalam waktu persekolahan, dan pada masa yang sama, mewajibkan murid-murid dari SJKC yang melanjutkan pelajaran di SMK mempelajari dan mengambil mata pelajaran Bahasa Cina dalam peperiksaan awam. Kami juga mencadangkan kepada kerajaan supaya mengarahkan pihak sekolah mengambil prihatin terhadap penubuhan dan perjalanan kelas Bahasa Cina dan persatuan Bahasa Cina, serta memberi galakan kepada para pelajar untuk mengadakan aktiviti-aktiviti yang berkaitan.

5. Memberi Peruntukan Kewangan Yang Adil Kepada Setiap Aliran Sekolah

Kementerian Pelajaran menyediakan dua jenis peruntukan kewangan kepada setiap aliran sekolah, iaitu bantuan per kapita dan peruntukan pembangunan. Bantuan per kapita diberi kepada setiap aliran sekolah mengikut mata pelajaran dan bilangan murid masing-masing dengan kaedah

pengiraan yang sama. Bantuan per kapita digunakan terutamanya untuk bayaran bil air, bil elektrik dan bil telefon sekolah, pembelian peralatan pengajaran dan pembelajaran serta pembiayaan kos pentadbiran yang lain. Manakala peruntukan pembangunan pula diberi untuk membiayai projek-projek pembinaan sekolah baru, bangunan sekolah gantian dan bangunan tambahan, memperbaiki bangunan sekolah, pembelian kerusi dan meja, serta peruntukan kemudahan fizikal yang lain.

Selama berpuluhan-puluhan tahun ini, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) tidak diberi peruntukan pembangunan yang berpatutan daripada Kementerian Pelajaran. Wang yang diperuntukkan oleh Kementerian Pelajaran kepada SJKC adalah begitu sedikit sahaja. Ini menyebabkan masyarakat Cina terpaksa mengutip derma untuk pembinaan sekolah. Selain itu, permohonan peruntukan pembangunan untuk pembinaan sekolah atau pembelian kerusi dan meja selalunya tidak mendapat kelulusan atau menghadapi kemusuksilan yang ditimbulkan oleh pihak berkuasa. Mengikut peruntukan pembangunan sekolah rendah di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000), bilangan murid SJKC mencapai 21% daripada jumlah murid semua aliran sekolah rendah, tetapi peruntukan pembangunan yang diberikan hanya setakat 2.44% sahaja daripada jumlah peruntukan yang diberikan kepada semua aliran sekolah rendah (Sila rujuk Jadual 1).

Cadangan:

Kami mencadangkan supaya kerajaan mengambil kira bilangan murid dan keperluan pembinaan sekolah bagi semua aliran sekolah sebagai faktor pertimbangan utama dalam menggubal sistem pemberian peruntukan pembangunan yang adil, munasabah dan mencukupi kepada setiap aliran sekolah. Selain itu, klasifikasi sekolah mengikut "sekolah bantuan penuh" dan "sekolah bantuan modal" hendaklah dimansuhkan untuk memberi layanan yang

adil kepada setiap aliran sekolah.

6. Menggubal Sistem Dan Rancangan Pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina

Seksyen 28 Akta Pendidikan 1996 memperuntukkan bahawa “Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, Menteri boleh menubuhkan Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan dan hendaklah menyenggarakan sekolah-sekolah itu”. Tetapi apabila masyarakat Cina mengemukakan permintaan kepada kerajaan untuk membina Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) yang baru di kawasan yang padat dengan penduduk Cina dan kawasan perumahan baru, ia amat sukar mendapat kelulusan daripada kerajaan.

Pada hakikatnya, semenjak negara kita mencapai kemerdekaan, pembinaan SJKC yang baru bukan sahaja kecil bilangannya, malah pihak lembaga pengurusan sekolah dan masyarakat Cina terpaksa bersusah-payah, berusaha gigih dan mengambil masa yang lama barulah mendapat kelulusan daripada kerajaan. Selain itu, masyarakat Cina selalunya terpaksa berusaha sendiri untuk mendapatkan tanah dan menanggung kos pembinaan sekolah, kerana kerajaan jarang memperuntukkan tanah dan wang untuk pembinaan SJKC.

Negara kita menuju ke arah pembangunan perindustrian, modenisasi dan urbanisasi dalam 20 tahun kebelakangan ini. Sejajar dengan perkembangan ini, peluang pendidikan semakin meluas, jumlah penduduk bertambah setiap tahun, dan ramai penduduk luar bandar berhijrah ke kawasan bandar. Ini menyebabkan penduduk bandar bertambah dengan pesatnya. Lantaran itu, SJKC di kawasan bandar mempunyai bilangan murid yang semakin bertambah sehingga menghadapi masalah kekurangan SJKC dan kesesakan murid yang serius. Akibatnya, ramai murid kehilangan peluang untuk belajar di SJKC.

Walaupun kerajaan menetapkan bahawa kawasan perumahan baru hendaklah disediakan

beberapa bidang tanah untuk kegunaan pembinaan sekolah, tetapi selama ini tanah rizab sekolah tersebut digunakan untuk membina Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan.

Dari segi perancangan bandar dan desa, kerajaan menggunakan satu sistem “sekolah komuniti” untuk merancang dan membina beberapa buah sekolah di dalam sesuatu kawasan komuniti. Tetapi dalam pelaksanaannya pula semua sekolah rendah tersebut dibina sebagai Sekolah Kebangsaan. Ini telah mengabaikan keperluan penduduk komuniti terhadap SJKC dan SJKT, dan hak penduduk berkenaan untuk mendapatkan pendidikan bahasa ibunda. Oleh itu, kawasan perumahan baru biasanya tidak mempunyai SJKC dan SJKT. Kanak-kanak yang hendak belajar di SJKC terpaksa pergi ke SJKC yang agak jauh dari kawasan kediaman mereka pada awal pagi dan balik pada lewat petang. Fenomena yang tidak normal ini bukan sahaja membazirkan wang dan masa, malah memburukkan lagi kesesakan lalulintas dan menanggung kos sosial yang tinggi. Kejadian ini membawa kesan negatif terhadap pembangunan negara di samping mendatangkan pelbagai tekanan dan bebanan dalam kehidupan harian ibu bapa dan anak-anak sehingga menyebabkan ramai ibu bapa merungut dan berasa tidak senang hati.

Mengikut anggaran, Sekolah Kebangsaan telah bertambah hampir 2900 buah (termasuk sekolah rendah Inggeris yang ditukar kepada Sekolah Kebangsaan) dari tahun 1970 hingga 2004. Dalam tempoh tersebut, bilangan murid SJKC pula bertambah hampir 210 ribu orang tetapi sebaliknya bilangan sekolah SJKC telah kurang 59 buah, manakala SJKT pun berkurangan 130 buah (Sila rujuk Jadual 2 dan Jadual 3).

Kerajaan telah membina banyak Sekolah Kebangsaan di dalam setiap Rancangan Malaysia, tetapi tidak membina SJKC yang mencukupi mengikut keperluan penduduk terhadap SJKC (Sila rujuk Jadual 4). Selain itu, kerajaan tidak melaksanakan satu sistem pembinaan SJKC mengikut keperluan

penduduk setempat, dan tidak mengambil inisiatif yang proaktif bagi memperuntukkan tanah dan wang untuk pembinaan SJKC yang baru. Ini menyebabkan kawasan yang padat dengan penduduk Cina dan kawasan perumahan baru kekurangan SJKC atau tidak mempunyai SJKC. Akibatnya, sebahagian murid-murid kehilangan peluang untuk belajar di SJKC.

Contohnya, Kampung Baru Damansara yang terletak di Petaling Jaya, Selangor. disebabkan terdapat beberapa projek pembangunan perumahan baru di sekitar kawasan itu. keperluan penduduk terhadap SJKC semakin bertambah susulan daripada pertambahan penduduk di kawasan berkenaan.

Mengikut prinsip-prinsip sekolah komuniti dari segi perancangan bandar dan desa, setiap kawasan komuniti haruslah mempunyai sekolah yang dapat memenuhi keperluan pendidikan penduduknya di samping mewujudkan satu persekitaran persekolahan yang baik supaya murid-murid dapat belajar di dalam kawasan komunitinya.

Mengikut laporan statistik penduduk tahun 2000 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, Petaling Jaya yang terletak di dalam negeri Selangor merupakan satu kawasan yang berpenduduk ramai, antaranya mempunyai hampir 177 ribu orang penduduk keturunan Cina, iaitu sebanyak 43% daripada jumlah warganegara di kawasan tersebut.

Pada tahun 2004, Petaling Jaya mempunyai 42 buah Sekolah Kebangsaan, 7 buah SJKC (13.5%) dan 3 buah SJKT. Secara puratanya, setiap SK mempunyai 732 orang murid, SJKC 2232 orang dan SJKT 624 orang [Sila rujuk Jadual 6(1) hingga Jadual 6(3)]. Ini menunjukkan bahawa Petaling Jaya menghadapi masalah kekurangan SJKC dan kesesakan murid yang serius, dan perlu dibina SJKC yang mencukupi.

Mengikut statistik penduduk dan piawaian perancangan sekolah, dianggarkan bahawa Petaling Jaya memerlukan sejumlah 24 buah SJKC, tetapi kini hanya mempunyai 7 buah SJKC sahaja.

Maka kami mencadangkan agar kerajaan

menggunakan bangunan sekolah sedia ada yang kini tidak dipakai untuk dijadikan SJKC untuk mengelakkan pembaziran sumber pendidikan di kawasan komuniti tersebut.

Cadangan:

- (1) Kami mencadangkan supaya kerajaan menggubal dan melaksanakan suatu sistem dan rancangan-rancangan pembinaan sekolah bagi SJKC. Ini termasuk menyatakan dengan jelasnya dasar, prosedur, langkah-langkah dan projek-projek pembinaan SJKC, agensi-agensi pelaksanaan dan tanggungjawabnya, serta menyelaraskan agensi-agensi kerajaan di pelbagai peringkat supaya mengambil inisiatif yang proaktif untuk membina SJKC agar projek-projek pembinaan sekolah tersebut dapat dilaksanakan dengan berkesan.
Sistem tersebut seharusnya berasas kepada prinsip-prinsip "sekolah komuniti", struktur penduduk dan keperluan pembangunan setiap aliran sekolah untuk mewujudkan satu sistem pengagihan dan pemberian tanah rizab dan wang pembangunan sekolah supaya pihak berkuasa berkenaan mengambil inisiatif yang proaktif untuk membina SJKC. Sistem tersebut haruslah juga memasukkan projek-projek pembinaan SJKC ke dalam Rancangan Malaysia, belanjawan kerajaan, pelan-pelan pembangunan (pelan struktur dan pelan tempatan) dan projek pembangunan perumahan di seluruh negara.
- (2) Kami mencadangkan supaya kerajaan meminda garis panduan dan piawaian perancangan sekolah yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk memasukkan perancangan pembangunan setiap aliran sekolah yang berlainan bahasa pengantar ke dalam garis panduan dan piawaian tersebut.
Selepas pindaan, garis panduan dan piawaian

tersebut hendaklah dijadikan kriteria dalam merancang pembinaan sekolah bagi setiap aliran sekolah.

- (3) Kami mencadangkan supaya kerajaan menggunakan Sistem Maklumat Geografi [Geographic Information System (GIS)] bagi mempertingkatkan keberkesanannya perancangan pembangunan setiap aliran sekolah dan pengagihan sumber pembangunan. Selain itu, kerajaan seharusnya juga menetapkan bahawa pelan-pelan pembangunan (pelan struktur dan pelan tempatan) yang disediakan di setiap kawasan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 mestilah merangkumi analisis tentang keperluan, pembekalan dan kekurangan sekolah bagi setiap aliran sekolah, masalah kesesakan murid dan sebagainya serta mengemukakan cara penyelesaiannya, terutamanya membuat cadangan tentang perancangan pembinaan sekolah dan pengagihan tanah rizab sekolah kepada setiap aliran sekolah.
- (4) Mengikut kajian, Lembah Klang yang terletak di Selangor dan Kuala Lumpur, serta Daerah Johor Bahru di negeri Johor masih kekurangan sejumlah 124 buah SJKC (Sila rujuk Jadual 5). Oleh itu, kami mencadangkan supaya kerajaan menggubal dan mengumumkan secepat mungkin suatu formula penyelesaian yang sempurna bagi memperuntukkan tanah dan wang untuk pembinaan SJKC supaya dapat mengatasi masalah kekurangan SJKC dan kesesakan murid yang serius di kawasan-kawasan tersebut.
- (5) Kami mencadangkan supaya kerajaan memanfaatkan sumber pendidikan komuniti dengan menggunakan tapak bangunan sekolah yang kini tidak dipakai dijadikan SJKC di kawasan yang majoriti penduduknya ialah keturunan Cina, bagi membolehkan murid-murid belajar di dalam kawasan komuniti sendiri supaya memenuhi keperluan pendidikan penduduknya. Pada masa

yang sama, ia juga boleh meringankan masalah kekurangan SJKC dan kesesakan murid yang serius di kawasan tersebut.

7. Membantu Pembangunan Sekolah Menengah Persendirian Cina

Semenjak pelaksanaan Akta Pelajaran 1961, sekolah-sekolah menengah Cina yang menolak untuk ditukar menjadi sekolah menengah Inggeris (iaitu Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan) terpaksa menanggung sendiri segala kos operasi dan pembangunan sekolah. Kini, negara kita mempunyai 60 buah Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) yang semuanya bersifat "non-profit" (bukan berdasarkan keuntungan) dengan sejumlah 50 ribu hingga 60 ribu orang pelajar. Dalam proses menjalankan SMPC, sekolah-sekolah ini memenuhi keperluan-keperluan yang ditetapkan dalam kurikulum Kementerian Pelajaran, dan mewajibkan semua pelajarnya mengambil dan menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran Bahasa Kebangsaan, Bahasa Inggeris dan Bahasa Cina.

Selain daripada mengambil peperiksaan Sijil Peperiksaan Bersama SMPC anjuran Dong Jiao Zong yang sijilnya diiktiraf oleh sejumlah besar institusi pengajian tinggi luar negeri, pelajar-pelajar SMPC juga mengambil peperiksaan awam yang dianjurkan oleh kerajaan. Dalam tempoh 30 tahun kebelakangan ini, SMPC telah melahirkan sebanyak 150 ribu orang tamatan menengah tinggi yang mempunyai asas penguasaan tiga bahasa iaitu Bahasa Kebangsaan, Bahasa Inggeris dan Bahasa Cina. Mereka melanjutkan pendidikan tinggi dan memasuki bidang pekerjaan atau membina kerjaya sendiri di dalam negara dan luar negeri. Golongan yang menerima pendidikan bahasa ibunda dan mempunyai asas penguasaan tiga bahasa ini banyak berjasa kepada negara dalam bidang politik, ekonomi, kebudayaan, pendidikan, sains, teknologi dan sebagainya.

Oleh itu, kerajaan seharusnya memberi galakan dan peruntukan kewangan untuk membantu

pembangunan SMPC dan meringankan kos pendidikan negara yang ditanggung oleh masyarakat Cina. Selain itu, kerajaan juga harus mengiktiraf Sijil Peperiksaan Bersama SMPC berdasarkan taraf akademiknya dan menerima sijil tersebut sebagai salah satu kelayakan untuk memasuki institusi pengajian tinggi tempatan dan maktab perguruan bagi melahirkan tenaga manusia yang menyumbang kepada pembangunan negara dan mengatasi masalah kekurangan guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina.

Cadangan:

Kami mencadangkan supaya kerajaan menggubal suatu dasar dan rancangan untuk memberi bantuan kewangan yang berterusan kepada SMPC seumpama dengan amalan kerajaan memberi peruntukan kewangan kepada Sekolah Menengah Kebangsaan. Selain itu, kami mencadangkan supaya kerajaan mengiktiraf Sijil Peperiksaan Bersama SMPC dan menerima sijil tersebut sebagai salah satu kelayakan untuk memasuki institusi pengajian tinggi tempatan dan maktab perguruan bagi melahirkan tenaga manusia yang menyumbang kepada pembangunan negara dan mengatasi masalah kekurangan guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina.

8. Memperkuuhkan IPT Dari Aspek Kepelbagaian, Keterbukaan, Kualiti dan Kuantiti

Dunia kini berada dalam era globalisasi dan masyarakat berasaskan pengetahuan. Persaingan antara negara adalah amat sengit. Susulan daripada pertambahan penduduk dan keperluan negara untuk membangun sebagai sebuah negara maju, maka negara kita memerlukan lebih banyak rakyat yang mendapat pendidikan tinggi yang berkualiti supaya melahirkan tenaga kepakaran yang dapat menguasai pelbagai bahasa, budaya dan kebolehan. Ini dapat dicapai dengan memperkembangkan kelebihan persaingan masyarakat berbilang kaum di negara kita.

Oleh itu, negara kita hendaklah mempunyai institusi pengajian tinggi (IPT) yang mencukupi, berkualiti dan bersifat kepelbagaian dan keterbukaan untuk mempertingkatkan kualiti rakyat dan daya persaingan negara.

IPT negara kita masih tidak berupaya menawarkan tempat belajar yang mencukupi bagi menambung keperluan rakyat. Ia juga kekurangan satu persekitaran yang bersifat kepelbagaian dan keterbukaan. Ini menyebabkan ramai pelajar cemerlang tidak dapat melanjutkan pelajaran mereka di institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Sebahagian pelajar tersebut terpaksa melanjutkan pelajarannya di luar negeri. Mereka seterusnya bekerja dan membina kerjaya sendiri di luar negeri. Akibatnya, negara kita menghadapi masalah kehilangan tenaga kepakaran (brain drain). Selain itu, sistem pengambilan pelajar memasuki IPTA yang kini dilaksanakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi pula menimbulkan pelbagai persoalan dan mendapat perhatian utama di kalangan rakyat.

Sekiranya masalah-masalah berkenaan kualiti pendidikan, kekurangan persekitaran kepelbagaian dan keterbukaan, daya persaingan dan sebagainya yang dihadapi oleh IPT tempatan masih tidak dapat diatasi, maka usaha negara kita untuk menjadi pusat pendidikan serantau akan menghadapi persaingan yang lebih sengit daripada negara-negara lain.

Pada masa kini, negara kita masih tidak dapat melahirkan sejumlah tenaga kepakaran berkualiti tinggi yang mencukupi. Selain itu, usaha-usaha untuk menarik tenaga kepakaran negara kita yang berada di luar negeri dan tenaga kepakaran negara asing untuk berkhidmat di dalam negara kita tidak mendatangkan hasil yang memuaskan. Pada April 2004, mengikut Kerajaan terdapat kira-kira 30 ribu tenaga kepakaran negara kita yang berada di negara-negara anggota OECD (Organisation for Economic Co-operation and Development), dan menjangkakan negara kita kekurangan 35 ribu tenaga kepakaran pada tahun 2005. Pada 20 September 2004, Menteri Sains, Teknologi

dan Inovasi, Datuk Seri Jamaluddin Jarjis berkata di Dewan Rakyat bahawa dari tahun 1995 hingga 1998, negara kita hanya dapat menarik 98 orang tenaga kepakaran kembali berkhidmat di dalam negara, tetapi pada akhirnya kesemua mereka balik bekerja di negara asing. Mengikut anggaran kementerian berkenaan, kos untuk menghasilkan seorang tenaga kepakaran di luar negeri adalah berjumlah RM 1 juta. Berdasarkan anggaran ini, negara kita telah mengalami kerugian sebanyak RM 30 billion akibat kehilangan 30 ribu orang tenaga kepakaran di negara-negara anggota OECD. Manfaat ekonomi yang dijana oleh mereka di negara asing adalah besar jumlahnya, maka kerugian yang dialami oleh negara kita menjadi lebih serius lagi.

Oleh itu, berlakunya pelbagai masalah tersebut telah menyebabkan negara kita mengalami kerugian yang amat besar sehingga menjelaskan pembangunan negara dan kepentingan rakyat.

Cadangan:

- (1) Kami mencadangkan supaya kerajaan memperkuuhkan persekitaran kepelbagai dan keterbukaan di dalam negara kita, serta menambah tempat belajar di IPT secepat mungkin bagi mengatasi masalah tidak cukup tempat belajar, terutamanya untuk membolehkan pelajar cemerlang mendapat kursus pilihannya supaya negara kita dapat menghasilkan lebih banyak lagi tenaga kepakaran yang berkualiti tinggi.
- (2) Kami mencadangkan supaya kerajaan mengkaji semula dan memperbaiki sistem pengambilan pelajar ke IPT, memperkuuhkan ketelusan serta menggubal dan mengumumkan piawai pengambilan pelajar yang dapat meyakinkan rakyat supaya pelajar cemerlang mendapat kursus pilihannya.
- (3) Kami mencadangkan supaya kerajaan memantau dan mempertingkatkan kualiti IPT, serta menggunakan suatu kaedah yang adil, munasabah dan telus dalam pemilihan dan pengambilan pensyarah dan pentadbir IPT yang mempunyai taraf akademik yang cemerlang dan berkebolehan untuk mempertingkatkan taraf pendidikan tinggi ke arah membantu negara menjadi sebuah negara maju dan pusat pendidikan serantau.
- (4) Kami mencadangkan supaya kerajaan mengiktiraf ijazah-ijazah yang dianugerah kepada warganegara kita yang melanjutkan pelajaran di universiti-universiti di China, Taiwan (sehingga kini telah melebihi 30 ribu orang tamatan) dan negara-negara lain serta Universiti Nanyang berdasarkan taraf akademik. Pengiktirafan tersebut bukan sahaja untuk mengakur sumbangan mereka kepada negara, bahkan menerima mereka untuk mengajar di sekolah-sekolah rendah dan menengah bagi mengatasi masalah kekurangan guru yang mengajar dalam bahasa Cina. Selain itu, pengiktirafan berkenaan juga dapat memanfaatkan tenaga kepakaran tersebut demi memperkuuhkan pencapaian negara di dalam pelbagai bidang di samping mengelakkan kehilangan tenaga kepakaran ke luar negeri (brain drain) dan mengurangkan kerugian negara.
- (5) Kami mencadangkan supaya kerajaan menggubal dan mengumumkan dasar-dasar dan langkah-langkah yang berkesan untuk memperkembangkan persekitaran kepelbagai dan keterbukaan di dalam negara kita, supaya dapat memperbetulkan pelbagai halangan dalam menarik tenaga kepakaran negara kita yang berada di luar negeri dan tenaga kepakaran negara asing untuk berkhidmat di dalam negara kita. Kami juga mencadangkan supaya kerajaan menyediakan persekitaran kemudahan, pekerjaan dan pembinaan kerjaya yang baik, memberi bantuan untuk membolehkan mereka menjalankan penyelidikan serta membuka pasaran produk dan perkhidmatan. Selain itu, kerajaan harus menjalin hubungan kerjasama dengan tenaga kepakaran negara kita yang berada di luar

negeri supaya dapat membawa balik pelbagai sumber untuk pembangunan negara di samping mempertingkatkan kerjasama pendidikan dan penyelidikan dengan negara-negara asing serta mengiktiraf lebih banyak lagi ijazah-ijazah luar negeri yang mempunyai taraf akademik yang baik.

C. Kesimpulan

Dalam era baru globalisasi, ekonomi berdasarkan pengetahuan, serta kepelbagaian dan keterbukaan, kami berharap kerajaan menyemak semula dengan secepat mungkin dasar-dasar dan langkah-langkah pendidikan sedia ada yang tidak munasabah dan tidak sesuai, supaya diganti dengan dasar-dasar dan langkah-langkah baru yang adil dan terbuka terhadap pembangunan pendidikan bahasa ibunda berbilang kaum di negara kita.

Selain itu, kami juga berharap agar kerajaan menggalakkan rakyat menguasai pelbagai bahasa dan menerima kebudayaan dan nilai unggul setiap kaum bagi memupuk semangat setia kawan dan perpaduan, serta melahirkan rakyat yang berpandangan antarabangsa, mempunyai minda yang maju dan berdaya saing. Ini dapat memperkuuhkan kelebihan negara kita dalam pelbagai bidang, membolehkan negara kita memasuki masyarakat antarabangsa dengan berkesan dan menduduki satu tempat di dalam dunia persaingan

antarabangsa yang sengit. Pada masa yang sama, ia juga dapat melahirkan rakyat yang berkualiti, mencintai dan berusaha memperkembangkan nilai-nilai tradisi murni dalam masyarakat berbilang kaum. Oleh itu, besarlah harapan kami agar kerajaan dapat menyelesaikan isu-isu pendidikan di atas yang mendapat perhatian masyarakat Cina.

Konsep “wujud dan makmur bersama” (*coexistence and co-prosperity*) pelbagai bahasa dan kebudayaan berbilang kaum, termasuk saling memahami, menghormati, menghargai dan mempelajari antara satu sama lain bukan sahaja praktikal dan dapat diamalkan dengan baik, malah menepati keadaan masyarakat berbilang kaum di negara kita. Amalan ini memberi manfaat kepada perpaduan rakyat, keharmonian masyarakat dan kemajuan negara. Pada hakikatnya, kewujudan dan pembangunan pelbagai aliran sekolah terbukti telah memperkayakan ciri-ciri kepelbagaian masyarakat berbilang kaum negara kita, malah juga merupakan aset yang tidak ternilai dan kelebihan persaingan yang menjadi kebanggaan negara kita. Kerajaan dan rakyat jelata negara kita seharusnya menghargai aset yang tidak ternilai ini dan memanfaatkan kelebihan persaingan masyarakat berbilang kaum, supaya bersama-sama kita membina sebuah negara yang bersifat kepelbagaian, keterbukaan dan maju.

LAMPIRAN

Jadual 1: Peruntukan pembangunan dan bilangan projek sekolah mengikut setiap aliran sekolah rendah di bawah Rancangan Malaysia Keenam hingga Kelapan, 1991-2005

Rancangan Malaysia	Perkara	SK	SJKC	SJKT	Jumlah
RMK-6 (1991-1995)	Bil Murid (1991)	1,845,400 (72.98%)	583,218 (23.07%)	99,876 (3.95%)	2,528,494 (100%)
	Bil Projek	884 (44.31%)	817 (40.95%)	294 (14.74%)	1995 (100%)
	Peruntukan (RM)	1,133,076,000 (89.72%)	102,726,000 (8.14%)	27,042,000 (2.14%)	1,262,844,000 (100%)
RMK-7 (1996-2000)	Bil Murid (1996)	2,128,227 (75.30%)	595,451 (21.07%)	102,679 (3.63%)	2,826,357 (100%)
	Bil Projek	753 (91.16%)	50 (6.05%)	23 (2.79%)	826 (100%)
	Peruntukan (RM)	1,027,167,000 (96.54%)	25,970,000 (2.44%)	10,902,000 (1.02%)	1,064,039,000 (100%)
RMK-8 (2001-2005)	Bil Murid (2001)	2,209,736 (75.81%)	616,402 (21.15%)	88,810 (3.05%)	2,914,948 (100%)
	Bil Projek	924 (94.57%)	37 (3.79%)	16 (1.64%)	977 (100%)
	Peruntukan (RM)	Tidak diumumkan			

- Sumber:* (1) Maklumat peruntukan pembangunan dan bilangan projek sekolah di bawah Rancangan Malaysia Keenam dan Ketujuh diambil daripada kenyataan bertulis bekas Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak pada 5 November 1996 menjawap pertanyaan bekas ahli parliment Kota Melaka Lim Guan Eng di Dewan Rakyat.
- (2) Maklumat peruntukan pembangunan dan bilangan projek sekolah di bawah Rancangan Malaysia Kelapan diambil daripada kenyataan bertulis bekas Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad pada 26 Julai 2001 menjawap pertanyaan bekas ahli parliment Kota Melaka Kerk Kim Hock di Dewan Rakyat.
- (3) Bilangan murid diambil daripada laporan statistik tahun 1991, 1996 dan 2001 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan.

Nota: Projek sekolah merujuk kepada projek sekolah baru (projek baru), projek bangunan sekolah gantian (projek gantian), projek bangunan tambahan (projek tambahan).

840

Jadual 2: Jumlah murid dan bilangan sekolah mengikut setiap aliran sekolah rendah di seluruh negara, 1970-2004

	SK		SJKC		SJKT	
	Bilangan Murid	Bilangan Sekolah	Bilangan Murid	Bilangan Sekolah	Bilangan Murid	Bilangan Sekolah
1970	1,046,513	4,277	439,681	1,346	79,278	657
1980	1,353,319	4,519	581,696	1,312	73,958	583
1990	1,770,004	4,994	581,082	1,290	96,120	544
2000	2,216,641	5,379	622,820	1,284	90,280	526
2002	2,246,492	5,564	632,180	1,285	90,502	527
2004	2,300,093	5,713	646,965	1,287	95,099	527
1970-2002	+1,199,979	+1,287	+192,499	-61	+11,224	-130
1970-2004	+1,253,580	+1,436	+207,284	-59	+15,731	-130

Sumber: (1) Kementerian Pendidikan. Laporan statistik tahun 1970, 1980, 1990, 2000 dan 2002.
(2) Kementerian Pelajaran. Laporan statistik tahun 2004.
(3) Persekutuan Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong). Fail Penyiasatan Maklumat Sekolah Tahun 2004.

Nota: (1) Bilangan sekolah SK pada tahun 1970 termasuk sekolah rendah Inggeris yang ditukar menjadi SK mulai tahun tersebut. Pada tahun 1968, negara kita mempunyai 1435 buah sekolah rendah Inggeris bantuan kerajaan. Berdasarkan ini, dianggarkan SK telah bertambah hampir 2900 buah dari tahun 1970 hingga 2004.
(2) Data SJKC dan SJKT pada tahun 2004 adalah tidak termasuk sekolah wawasan di Subang Jaya, Selangor.

Jadual 3: Jumlah penduduk Cina, bilangan murid dan sekolah SJKC, 1970-2002

Tahun	Penduduk Cina	Bil Murid SJKC	Bil Sekolah SJKC
1970	3,564,400	439,681	1,346
1980	4,414,588	581,696	1,312
1991	4,944,954	583,218	1,289
2000	5,691,908	622,820	1,284
2002	5,920,200	632,180	1,285
1970-2002	+2,355,800	+192,499	-61

Sumber: (1) Jabatan Perangkaan Malaysia. Laporan statistik tahun 1970, 1980, 1991, 2000 dan 2002.
(2) Kementerian Pendidikan. Laporan statistik tahun 1970, 1980, 1991, 2000 dan 2002.

Jadual 4: Tren pertambahan bilangan murid dan sekolah bagi setiap aliran sekolah rendah di bawah Rancangan Malaysia, 1981-2004

Rancangan (Tahun)	SK		SJKC		SJKT	
	Murid	Sekolah	Murid	Sekolah	Murid	Sekolah
1981	1,372,426	4,549	588,317	1,307	73,513	579
1986	1,569,420	4,809	582,104	1,290	81,051	553
1991	1,845,400	5,001	583,218	1,289	99,876	543
1996	2,147,130	5,206	594,621	1,285	99,525	531
2001	2,209,736	5,466	616,402	1,285	88,810	526
2004	2,300,093	5,713	646,965	1,287	95,099	527
RMK-4 (1981-1985)	+ 196,994	+ 260	- 6,213	- 17	+ 7,538	- 26
RMK-5 (1986-1990)	+ 275,980	+ 192	+ 1,114	- 1	+ 18,825	- 10
RMK-6 (1991-1995)	+ 301,730	+ 205	+ 11,403	- 4	- 351	- 12
RMK-7 (1996-2000)	+ 62,606	+ 260	+ 21,781	0	- 10,715	- 5
RMK-8 (2001-2005) Sehingga Jan 2004	+ 90,357	+ 247	+ 30,563	+ 2	+ 6,289	+ 1

Sumber: (1) Kementerian Pendidikan. Laporan statistik tahun 1981, 1986, 1991, 1996 dan 2001.

(2) Kementerian Pelajaran. Laporan statistik tahun 2004.

(3) Persekutuan Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong). Fail Penyiasatan Maklumat Sekolah Tahun 2004.

Nota: Data SJKC dan SJKT pada tahun 2004 adalah tidak termasuk sekolah wawasan di Subang Jaya, Selangor.

Jadual 5: Jumlah penduduk Cina, permintaan, pembekalan dan kekurangan SJKC di Lembah Klang dan Daerah Johor Bahru, 2000-2004

Kawasan	Penduduk Cina (2000)	Keperluan SJKC (2000)	Pembekalan SJKC (2004)	Bilangan Kekurangan SJKC	Keperluan Tanah Untuk Pembinaan SJKC (Ekar)
Daerah dalam Selangor					
Gombak	140,639	19	7	- 12	60
Petaling	429,548	57	16	- 41	205
Klang	209,039	28	21	- 07	35
Hulu Langat	302,414	40	13	- 27	135

Kuala Lumpur	560,153	56	40	- 16	48
Lembah Klang	1,641,793	200	97	- 103	483
Daerah Johor Bahru	430,593	57	36	- 021	105
Jumlah	2,072,386	257	133	- 124	588

- Sumber: (1) *Gabungan Lembaga-lembaga Sekolah-sekolah Cina Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Laporan Permintaan Pembinaan SJJC di Lembah Klang. 10 September 2003.*
 (2) *Persatuan Pengurus Dan Guru Sekolah Cina Negeri Johor, dan lain-lain. Memorandum Pendidikan Berkanaan Laporan Pemeriksaan Rancangan Struktur Negeri Johor (2001-2020). 28 Februari 2004.*

Jadual 6(1): Struktur penduduk Petaling Jaya, 2000

	Jumlah Penduduk	Warganegara (%)
Warganegara	410,261	100.00
Melayu	158,977	38.75
Bumiputera lain	2,688	0.66
Cina	176,998	43.14
India	66,574	16.23
Lain-lain	5,024	1.22
Bukan warganegara	22,358	
Jumlah	432,619	

Sumber: *Jabatan Perangkaan Malaysia. Taburan Penduduk Mengikut Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan dan Mukim, Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2000. Percetakan Nasional Malaysia Berhad. Disember 2001.*

Jadual 6(2): Bilangan murid dan sekolah bagi setiap aliran sekolah rendah di Petaling Jaya, 2004

Aliran Sekolah	Bilangan Murid	%	Bilangan Sekolah	%
SK	30,749	63.73	42	80.77
SJJC	15,625	32.39	7	13.46
SJKT	1,871	3.80	3	5.77
Jumlah	48,245	100	52	100

Sumber: *Persekutuan Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong). Fail Penyiasatan Maklumat Sekolah Tahun 2004.*

Jadual 6(3): Kepadatan (kesesakan) murid bagi setiap aliran sekolah rendah di Petaling Jaya, 2004

Aliran Sekolah	Bilangan Murid	Bilangan Sekolah	Kepadatan Purata Murid Bagi Setiap Sekolah
SK	30,749	42	732
SJKC	15,625	7	2,232
SJKT	1,871	3	624
Jumlah	48,245	52	928

Sumber: Persekutuan Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong).

Fail Penyiasatan Maklumat Sekolah Tahun 2004.

KEBUDAYAAN

A. Pendahuluan

Sebuah negara yang maju dan canggih seharusnya sebuah negara yang berlatarkan kebudayaan pelbagai corak dan berwarna-warni serta ditunjangi masyarakat yang murni dan berhemah. Pengembangan kebudayaan pelbagai kaum di Malaysia mempunyai akar sejarah yang cukup panjang. Dan tradisi pengembangan kebudayaan pelbagai kaum secara bebas di negara ini seharusnya dipupuk dan terbela dengan baik.

Gagasan masyarakat bebas dalam Prinsip Rukun Negara menyatakan bahawa "Malaysia adalah sebuah negara yang amat unik. Ia mempunyai tradisi dan amalan adat resam yang cukup kaya dan pelbagai. Kita berharap kerencaman kebudayaan akhirnya menjadi aset dan sumber kekuatan masyarakat kita."

Kebudayaan majmuk di negara kita adalah cerminan langsung realiti perbezaan anutan agama, amalan hidup dan warisan budaya pelbagai kaum. Lantaran memberikan pelbagai warna dan corak kepada kebudayaan negara kita. Dan nilai yang dikongsi bersama serta warna lokal/setempat pula terpancar melalui kandungan dan intipati kebudayaan itu sendiri.

Kebudayaan pelbagai kaum bukan sahaja mempusakai khazanah budaya leluhur masing-masing,

malah saling memperkaya menerusi proses interaksi dan integrasi, lalu membentuk suatu corak kebudayaan tempatan yang cukup unik. Kebudayaan pelbagai kaum adalah komponen kebudayaan negara yang tak terpisahkan. Sebagaimana yang dimaklumi, tradisi dan khazanah kebudayaan yang kaya adalah kunci utama pembangunan industri pelancongan negara kita. Malaysia memanfaatkan slogan "Malaysian Truly Asian" untuk menarik pelancong dari seluruh pelosok dunia, rasionalnya tak lain dan tak bukan adalah bertolak dari teras kebudayaan majmuk tadi. Sekiranya penampilan kebudayaan majmuk itulah menjadi hasrat kita, kerajaan harus memelihara tradisi dan warisan kebudayaan pelbagai kaum dan membayai pembangunan budaya pelbagai kaum yang aktif dan bisa diperkembangkan secara berterusan. Dan peningkatan kualiti seluruh warga dan pembangunan kemanusiaan adalah langkah yang tidak harus dikesampingkan untuk mencapai masyarakat yang berhemah dan berkekerti.

Justeru, di bawah agenda pembangunan Rancangan Malaysia Ke-9, sumber kebudayaan pelbagai kaum yang kaya dan unik harus di garap dan diperkembangkan semaksimumnya, di samping merancakkan lagi industri pelancongan agar negara kita bisa muncul sebagai pusat kebudayaan dan kesenian yang unggul di rantau ini.

Matlamat utama Rancangan Malaysia Ke-8 adalah memelihara kadar pertumbuhan ekonomi dan daya saing di peringkat antarabangsa sebagai langkah mendepani arus globalisasi dan terbuka. Kami bersetuju dan memuji matlamat besar yang termaktub dalam Rancangan Malaysia Ke-8, terutamanya matlamat;

- (1) Mempertingkatkan kualiti seluruh warga dan pembangunan kemanusiaan.
- (2) Memperkembangkan sumber dan tenaga kerja serta mempelbagaikan produk sektor pelancongan.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-9, selain melanjutkan matlamat dan aspirasi Rancangan Malaysia Ke-8, kami berharap kerajaan lebih prihatin terhadap keupayaan kebudayaan dalam memaju dan memperkembangkan aspek sosial dan ekonomi negara. Kami berharap kerajaan memperuntukkan dana yang mencukupi untuk menggerakkan penyelidikan kebudayaan pelbagai kaum serta aspek-aspek yang berkaitan, termasuk aktiviti pembudayaan, pembangunan pusat kebudayaan, program interaksi budaya, pembangunan golongan cerdik pandai dan berkeupayaan tinggi, pemeliharaan dan pemuliharaan lokasi/bangunan bersejarah, pembangunan keagamaan, pembangunan perubatan tradisional dan sebagainya demi memupuk persefahaman, integrasi dan perpaduan bangsa. Di samping itu, sumber budaya pelbagai kaum yang terpelihara baik wajar dikemukakan bersama kepada masyarakat antarabangsa untuk meningkatkan daya tarikan kebudayaan kita demi pembangunan industri pelancongan. Dengan demikian, negara kita bukan sahaja terus maju dari segi ekonomi, malah turut meningkatkan daya saing dari segi kebudayaan di peringkat antarabangsa.

B. Cadangan

Justeru, kami mengesyorkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 agar kerajaan memperuntukkan sekurang-kurangnya RM355,000,000 (Tiga ratus lima puluh lima juta ringgit) dan mendirikan

beberapa yayasan bagi masyarakat Cina menggerak dan mengembangkan program kebudayaan seperti yang tersenarai di bawah:

1. Yayasan Penyelidikan Kebudayaan Cadangan Peruntukan: RM25,000,000 (Dua Puluh Lima Juta Ringgit)

- (1) Membiasai ahli akademik dan penyelidik pelbagai kaum mengkaji teras kebudayaan dan pandangan nilai kaum masing-masing untuk mengenal pasti keselaruan dan kelainan di antara kaum. Ini dapat mewujudkan persefahaman dan perhubungan yang lebih akrab di antara kaum. Ia juga amat membantu kerajaan dalam membentuk dasar pembangunan kebudayaan pelbagai kaum.
- (2) Membiasai penerbitan kajian yang berkaitan untuk kemudahan rujukan dan pelaksanaan pihak pembuat dasar negara.

2. Yayasan Aktiviti Kebudayaan Cadangan Peruntukan: RM 50,000,000 (Lima Puluh Juta Ringgit)

- (1) Membiasai aktiviti budaya pelbagai kaum, termasuk Pesta Kebudayaan Cina peringkat Kebangsaan dan Peringkat Negeri yang dianjurkan setiap tahun.
- (2) Menyediakan lebih banyak peluang kepada para seniman dan badan kesenian pelbagai kaum menggunakan dewan persembahan kesenian sama ada di peringkat negeri maupun di peringkat kebangsaan, di samping memberi ruangan untuk publisiti dalam radio dan televisyen secara percuma.
- (3) Membiasai seniman dan badan kesenian pelbagai kaum (termasuk tarian naga dan tarian singa kaum Cina) tatkala mereka mewakili negara ke persembahan atau pertandingan di peringkat serantau dan antarabangsa. Pembiayaan seumpama

ini nescaya boleh mengharumkan nama negara di mata dunia.

3. Pusat Kebudayaan Cadangan Peruntukan: RM 80,000,000 (Lapan Puluh Juta Ringgit)

- (1) Membayai Pusat Adat Resam dan Budaya ataupun badan bersepada seperti Pusat Anekarama Malaysia untuk menampilkan kerencaman, kemajmukan dan keunikian budaya pelbagai etnik serta memperkenalkan kejayaan proses integrasi kaum di negara kita.
- (2) Membayai dan menyediakan sumber tenaga untuk memelihara pusat berkenaan agar ia sentiasa berfungsi dengan baik dan lancar.

4. Yayasan Interaksi Budaya Cadangan Peruntukan: RM 25,000,000 (Dua Puluh Lima Juta Ringgit)

- (1) Membayai usaha penterjemahan esei dan karya sastera yang termuat dalam akhbar dan terbitan tertentu untuk memahami persepsi semua kaum terhadap isu dan peristiwa tertentu.
- (2) Membayai program pertukaran, interaksi dan latihan pembangunan budaya merentasi kaum. Umpamanya memperkenal dan mengajar kesenian (termasuk wushu, muzik, lagu, tarian, puisi, permainan dan sebagainya) dan adat pelbagai kaum dengan pelbagai bahasa. Contohnya persembahan lagu dan irama Melayu dengan alat muzik tradisional Cina.
- (3) Membayai program interaksi budaya antara remaja pelbagai kaum. Contohnya kem budaya pelbagai kaum, bengkel pemantapan budaya tetangga, kem adat dan tatasusila pelbagai kaum, sesi dialog bagi membincangkan nilai bersama, dialog agama dan tamadun, pameran, kursus

kebudayaan dan sebagainya.

- (4) Membayai guru pelbagai kaum mengajar pelajar kesenian kaum masing-masing. Misalnya menjemput guru pembimbing tarian, pembimbing pantun dan pembimbing seni kaligrafi pelbagai kaum hadir ke sekolah untuk mengendalikan kelas bimbingan di luar kurikulum. Ini memberi kesempatan kepada pelajar untuk mengenali dan mempelajari kebudayaan dan kesenian lain-lain kaum.
- (5) Menaja penubuhan lebih banyak media awam dan swasta, termasuk mendirikan stesen penyiaran Mandarin, dan menyiar pelbagai rancangan yang dapat meningkatkan kualiti dan pengetahuan budaya serta interaksi antara budaya melalui bahasa-bahasa pelbagai kaum.
- (6) Membayai Perpustakaan Negara maupun Perpustakaan Negeri mengumpul segala terbitan terjemahan dan sumber yang memperkenalkan budaya pelbagai kaum.

5. Yayasan Penataran Tunas Budaya dan Seni Cadangan Peruntukan: RM 25,000,000 (Dua Puluh Lima Juta Ringgit)

- (1) Membayai anak muda pelbagai kaum yang berbakat dalam budaya dan seni, seperti bidang tarian, permainan alat muzik, wushu, pertukangan tangan, permainan dan lain-lain sebagai sumber tenaga untuk melaksanakan aktiviti interaksi budaya. Bakat yang terlatih kemudian ditempatkan di sekolah pelbagai aliran maupun pusat latihan kegiatan remaja untuk tujuan latihan dan pengembangan.
- (2) Pembiayaan dan penganugerahan remaja pelbagai kaum yang berbakat dalam bidang kesenian (contohnya seni lukis, muzik, tarian dan sebagainya) terus melanjutkan

pengajian dan latihan dalam bidang berkaitan, termasuk sekolah ternama dan berguru kepada individu yang terkenal di luar negeri.

6. Peruntukan Kebudayaan dan Warisan Tapak/ Lokasi Sejarah Cadangan Peruntukan: RM 80,000,000 (Lapan Puluh Juta Ringgit)

- (1) Membiasai projek mengenal pasti warisan tapak, lokasi dan bangunan bersejarah pelbagai kaum serta kerja membaik pulih, menjaga dan memulihara agar ia menjadi tapak bagi mendidik anak-anak muda kita. Warisan sejarah tersebut juga dapat memupuk semangat patriotik di kalangan anak-anak muda.
- (2) Membiasai percetakan bahan dalam bahasa pelbagai kaum untuk mempromosi kebudayaan dan warisan tapak dan lokasi bersejarah untuk menarik para pelancong dan sebagai usaha pembangunan industri pelancongan.

7. Peruntukan Bidang Keagamaan Cadangan Peruntukan: RM 50,000,000 (Lima Puluh Juta Ringgit)

- (1) Menerapkan gagasan pendidikan moral agama masing-masing ke dalam kurikulum sekolah masing-masing untuk memjhernihkan jiwa manusia dan seterusnya membawa ke jalan yang benar agar masalah sosial dapat dikurangkan.
- (2) Memberi peruntukan untuk mendirikan pusat pembangunan pelbagai agama agar melahirkan lebih ramai individu yang berkhidmat untuk pembangunan jiwa. Ini dapat membantu mewujudkan masyarakat yang lebih harmonis.
- (3) Memberikan peruntukan untuk pembinaan dan penyelenggaraan rumah-rumah ibadat

pelbagai agama demi pemeliharaan hak pengembangan pelbagai agama.

- (4) Menyediakan peruntukan bagi penulisan makalah yang memperkenalkan gagasan dan konsep asas pelbagai agama, kemudian diterjemah dan diterbitkan demi persefahaman dan saling hormat-menghormati.

8. Peruntukan Perubatan Tradisional Cadangan Peruntukan: RM 20,000,000 (Dua Puluh Juta Ringgit)

- (1) Menyediakan peruntukan kepada individu yang terlibat dalam program latihan dan penyelidikan perubatan tradisional pelbagai kaum.
- (2) Menyediakan peruntukan untuk mendirikan sistem penilaian dan pemantauan perubatan tradisional serta perubatan sampingan. Pengakuan rasmi kepada pengamal perubatan tradisional harus juga diberikan.
- (3) Menyediakan peruntukan untuk mempromosi ubat-ubatan tradisional serta kos pembikinannya.

Lampiran1: Pesta Kebudayaan Cina Peringkat Kebangsaan

Sebagai usaha pewarisan dan pengembangan kebudayaan kaum Cina serta memupuk interaksi budaya dan industri pelancongan, pertubuhan-pertubuhan Cina di bawah naungan Dewan Perhimpunan Cina setiap negeri mula menganjurkan Pesta Kebudayaan Cina peringkat kebangsaan secara bergilir-gilir. Tema tiap-tiap tahun terfokus pada pewarisan budaya dan pemupukan interaksi budaya. Misalnya mengundang kaum lain mempersembahkan acara tarian dan sebagainya. Pesta kebudayaan yang dianjurkan di peringkat negeri turut mencerminkan ciri-ciri budaya dan tradisi sejarah negeri berkaitan.

Sesudah Hua Zong ditubuhkan pada tahun

1991, badan ini telah bertindak sebagai pendukung dan pendorong pesta kebudayaan tahunan. Penganjurnya pula terletak pada bahu Dewan Perhimpunan Cina peringkat negeri. Disebabkan Pesta Kebudayaan lazimnya diadakan bersempena dengan Perayaan Zhong Qiu, dan pada masa yang sama menjemput pertubuhan-pertubuhan Cina yang lain menganjurkan pelbagai aktiviti budaya, tidak lupa juga menjemput

kaum-kaum lain ikut serta, maka tidak hairan sambutan amatlah menggalakkan. Pesta tersebut turut berjaya menarik para pelancong dan nyata sekali banyak menyumbang kepada industri pelancongan negara.

Sehingga kini, Pesta Kebudayaan Cina peringkat kebangsaan telah dianjurkan bagi kali ke-21. Senarai pengajur dan tempatnya seperti berikut;

Tahun	Penganjur	Tempat
1984 (I)	Dewan Perhimpunan Cina Selangor	Kuala Lumpur
1985 (II)	Dewan Perhimpunan Cina Pulau Pinang	Pulau Pinang
1986 (III)	Dewan Perhimpunan Cina Perak	Ipooh
1987 (IV)	Dewan Perhimpunan Cina Kelantan	Kota Bahru
1988 (V)	Gabungan Pertubuhan Cina Johor	Johor Bahru
1989 (VI)	Dewan Perhimpunan Cina Melaka	Melaka
1990 (VII)	Dewan Perhimpunan Cina Negeri Sembilan	Seremban
1991 (VIII)	Dewan Perhimpunan Cina Terengganu	Terengganu
1992 (IX)	Gabungan Pertubuhan Cina Pahang	Kuantan
1993 (X)	Dewan Perhimpunan Cina Kedah	Alor Setar
1994 (XI)	Dewan Perhimpunan Cina Selangor	Kuala Lumpur
1995 (XII)	Dewan Perhimpunan Cina Sabah	Kota Kinabalu
1996 (XIII)	Gabungan Pertubuhan Cina Sarawak	Miri
1997 (XIV)	Dewan Perhimpunan Cina Pulau Pinang	Pulau Pinang
1998 (XV)	Dewan Perhimpunan Cina Perak	Ipooh
1999 (XVI)	Gabungan Pertubuhan Cina Pahang	Kuantan
2000 (XVII)	Gabungan Pertubuhan Cina Johor	Johor Bahru
2001 (XVIII)	Gabungan Pertubuhan Cina Sarawak	Sibu
2002 (XIX)	Dewan Perhimpunan Cina Melaka	Melaka
2003 (XX)	Dewan Perhimpunan Cina Negeri Sembilan	Seremban
2004 (XXI)	Dewan Perhimpunan Cina Perlis	Kangar

Hua Zong juga telah menjemput YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia ketika itu hadir merasmikan Pesta Kebudayaan kali ke-10 (1993) dan kali-12 (1995), dan pihak kerajaan bersetuju memberi peruntukan kewangan sebagai tanda sokongan. Perdana Menteri Malaysia sekarang, YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, ketika menyandang jawatan Timbalan Perdana Menteri, hadir dan merasmikan pesta tersebut pada tahun 2001 dan 2003 di Sibu dan Seremban. Hua Zong juga memberi sumbangan dalam memperkayakan kebudayaan Malaysia. Misalnya ia pernah dijemput mempersembahkan taridra berjudul Puteri Li Po yang menggambarkan persahabatan dan hubungan kebudayaan Malaysia-China sempena perayaan Hari Kebangsaan.

Lampiran 2: Pencapaian Cemerlang Pasukan Tarian Naga dan Tarian Singa Malaysia Ke Pertandingan Peringkat Antarabangsa

Pasukan tarian naga dan tarian singa Malaysia telah berulang kali merangkul kedudukan johan di pertandingan peringkat antarabangsa. Antaranya, pasukan dari Tokong Guan Sheng, Muar telah mencatatkan rekod mendapat kedudukan johan sebanyak 15 kali.

Nama Pertandingan	Tempat	Pencapaian
1. Kejohanan Tarian Singa Sedunia 1992	Hong Kong	Ketiga
2. Kejohanan Tarian Singa Sedunia 1994	Genting Highland	Johan
3. Kejohanan Tarian Naga Sedunia 1995	Guangzhou, China	Johan
4. Kejohanan Tarian Naga Sedunia 1996	Shanghai, China	Johan, Ketiga
5. Kejohanan Tarian Singa Sedunia 1996	Genting Highland	Johan
6. Kejohanan Tarian Singa Sedunia 1996	Singapura	Johan
7. Kejohanan Tarian Singa Sedunia 1998	Genting Highland	Johan
8. Kejohanan Tarian Singa Sedunia 1999	Macau, China	Johan
9. Kejohanan Tarian Singa Sedunia 1999	Pulau Pinang	Johan
10. Kejohanan Tarian Singa Sedunia 2000	Thailand	Johan
11. Kejohanan Tarian Singa Sedunia 2000	Genting Highland	Johan
12. Kejohanan Tarian Singa Sedunia 2002	Genting Highland	Johan
13. Kejohanan Tarian Singa Sedunia 2002	Kuala Lumpur	Johan
14. Kejohanan Tarian Singa Sedunia 2003	Indonesia	Johan
15. Kejohanan Tarian Singa Sedunia 2004	Genting Highland	Johan

Lain-lain pasukan pertubuhan Cina turut merangkul johan dalam pertandingan antarabangsa tersebut, termasuk:

1. Pasukan Singa Xie Ming, Selangor mendapat johan dalam Kejohanan Tarian Singa Sedunia 1990.
2. Pasukan Wushu Naga dan Singa Nan Hua, Johor mendapat johan dalam Kejohanan Tarian Singa Sedunia 2003.
3. Pasukan Singa Wei Qun Le, Sungai Buluh, Selangor mendapat johan dalam Kejohanan Tarian Singa Sedunia 2004 di Hawaii, Amerika Syarikat.

Lampiran3: Permainan Alat Muzik Gendang 24 Ciptaan Asli Warga Malaysia

Gendang 24 ciptaan asli kaum Cina Malaysia adalah suatu bentuk seni persembahan permainan gendang. Pasukan terdiri daripada 24 pemain, masing-masing dengan sebuah gendang yang mewakili musim-

musim tertentu mengikut kalendar Cina.

Permainan gendang mempunyai asal-usul dan puncanya dalam seni tradisional orang-orang Cina. Namun di Malaysia, seni permainan gendang adalah sama sekali ciptaan baru. Usaha pembaharuan cara permainannya bukan sahaja mendapat inspirasi dari seni persembahan tradisional, malah telah diberi nafas baru dalam penyusunan posisi pemain, gerak dan lenggok anggota badan serta paduan kesan visualnya.

Gendang 24 bukan seni permainan gendang semata-mata. Ia turut menerapkan seni kaligrafi dan falsafah pertukaran musim dalam perayaan tradisional kaum Cina. Pada badan setiap gendang tertulis nama musim dengan bentuk kaligrafi yang cukup berseni. Persembahan permainan Gendang 24 melambangkan keyakinan, keperkasaan dan semangat tradisi budaya kaum Cina.

Ringkasnya, permainan Gendang 24 adalah

suatu produk budaya baru yang menyepadukan musim, gendang dan seni kaligrafi, justeru adalah bentuk persembahan yang istimewa dan unik.

Sejak pasukan pertama ditubuhkan di Johor Bahru oleh Chen Huichong dan Chen Zaifan pada 12 Jun 1988, kini terdapat sekurang-kurang 50 pasukan seumpamanya di seluruh negara.

Kini unit pengembangan permainan Gendang 24 di bawah Hua Zong-Badan Penasihat Kebudayaan Pertubuhan-Pertubuhan Cina Se-Malaysia adalah badan yang bertanggungjawab mempromosi dan meningkatkan seni persembahan permainan tersebut.

Pada masa kini, permainan Gendang 24 bukan sahaja merupakan satu ikon yang penting dalam kebudayaan Malaysia, ia juga telah tersebar ke luar negara, termasuk Thailand, Indonesia, Swiss, Singapura, China, Hong Kong dan sebagainya. Permainan Gendang 24 telah menjadi perantaraan yang penting dalam proses interaksi budaya di dalam dan di luar negara.

Lampiran4: Keunikan Kesusasteraan Berbahasa Cina dalam Kerangka Kesusasteraan Malaysia

Kesusasteraan Berbahasa Cina (singkatannya Kesusasteraan Mahua) adalah karya sastera yang dihasilkan oleh penulis Malaysia berketurunan Cina sebagai cerminan kehidupan dan bentuk pewarisan budaya. Selama ini kesusasteraan Mahua menjadikan masyarakat dan warga setempat sebagai sasaran khidmatnya, dan adalah satu komponen yang benar-benar asli dalam kesusasteraan Malaysia.

Kesusasteraan Mahua lahir di negara kita sejak tahun 1911. Demi pertumbuhan dan kesinambungan yang lebih baik, pertubuhan-pertubuhan Cina negara ini berperanan sebagai penggiat yang gigih. Atas rasional tersebut, Perayaan Kesusasteraan Mahua mula dianjurkan sejak tahun 1989. Pada peringkat permulaan, enam buah pertubuhan Cina telah terlibat menggembungkan tenaga untuk menjayakan perayaan

tersebut. Perayaan berkenaan diadakan dua tahun sekali secara berterusan hingga kini.

Sesudah Hua Zong tertubuh pada 1991, mulalah ia bertindak sebagai badan pendukung untuk menyelenggarakan jawatankuasa kerja Perayaan Kesusasteraan Mahua. Tanggungjawab untuk mendapatkan perbelanjaan juga dipikul oleh Hua Zong.

Sehingga tahun 2004, Perayaan Kesusasteraan Mahua telah masuk ke penggal ke-8, badan gabungan juga bertambah dari 6 ke 14 buah pada kali ke-8. 14 buah gabungan tersebut ialah:

- Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia (Hua Zong)
- Persatuan Penulis-Penulis Aliran Cina Malaysia
- Persatuan Perindustrian dan Perdagangan Tionghua Kuala Lumpur dan Selangor
- Persatuan Alumni Universiti Nanyang, Malaya
- Gabungan Persatuan Alumni Universiti Taiwan, Malaysia
- Persatuan Alumni Jabatan Pengajian Tionghua Universiti Malaya
- Kolej Selatan
- Dewan Perhimpunan Cina Selangor
- Persekutuan Persatuan Teochew Malaysia
- Persekutuan Persatuan Hokkien Malaysia
- Persatuan Hokkien Selangor
- Persatuan Kah Ying Selangor dan Kuala Lumpur
- Persatuan Hin Ann Selangor dan Kuala Lumpur
- Pertubuhan Kebudayaan Cina Malaysia

Matlamat Perayaan Kesusasteraan Mahua

Penganjuran Perayaan Kesusasteraan Mahua menandakan kebersamaan dan kelestarian kebudayaan majmuk di negara kita. Matlamatnya untuk memupuk dan mendorong penulis dan sasterawan menghasilkan karya yang benar-benar mencerminkan kehidupan masyarakat Malaysia demi memperkaya dan memantapkan lagi kandungan kesusasteraan kebangsaan serta meninggikan imej sastera kita di peringkat antarabangsa supaya lebih ramai warga asing mengenali pencapaian pembangunan kemanusiaan kita.

Di samping itu, matlamat Perayaan Kesusasteraan Mahua adalah untuk mendorong lebih ramai orang terlibat dalam aktiviti persuratan, meningkatkan kualiti kemanusiaan masyarakat Cina Malaysia demi pembentukan sebuah masyarakat canggih dan bernilai murni.

Anugerah dan Pelbagai Hadiah Sastera Sempena Perayaan Kesusasteraan Mahua

Aktiviti utama Perayaan Kesusasteraan Mahua ialah penyampaian hadiah sastera yang diberikan oleh badan-badan gabungan, termasuk hadiah bagi kategori puisi, cerpen, esei lirik, drama, cerpen kanak-kanak dan remaja, kritikan sastera dan sebagainya. Dan acara kemuncak ialah Anugerah Tokoh Sastera Mahua yang dikendalikan oleh Persatuan Perindustrian dan Perdagangan Tionghua Selangor dan Kuala Lumpur. Anugerah tersebut diberikan kepada penulis-penulis veteran yang telah banyak menyumbangkan jasa kepada perkembangan dan pemantapan kesusasteraan Mahua. Setakat ini, penganugerahan tersebut telah dilangsungkan buat kali yang ke-8.

Di antara penerima anugerah tersebut, Wu An dan Nian Hong sudah dikenali oleh masyarakat umum Malaysia. Misalnya ketokohan Wu An diketahui audiens sastera Melayu melalui antologi puisi yang telah diterjemahkan ke bahasa Melayu, berjudul Gelombang. Puisi beliau turut diterjemah ke bahasa Inggeris.

Bagi Nian Hong, di samping penulisan dalam bahasa Mandarin, beliau turut terlibat dalam penulisan bahasa Melayu. Puisinya "Burung Yang Terbang" memenangi Hadiah Karya Sastera 1971. Selain penciptaan asli, beliau juga berkecimpung dalam bidang terjemahan karya Mahua-Melayu. Beberapa buah kumpulan yang telah dihasilkan ialah Layang-Layang Putus Tali, Isyarat, Tabung Sudah Pecah dan sebagainya. Dalam aktiviti berpersatuan pula, selain menjawat penting dalam beberapa persatuan penulis aliran Cina, beliau turut mewakili Persatuan Penulis-Penulis Aliran Cina Malaysia dalam ahli jawatankuasa Majlis Penulis Pelbagai Kaum. Usaha-usaha beliau

bukan sahaja merintis kepada persefahaman antara kaum dan interaksi budaya Mahua-Melayu, malah melayakkan kesusasteraan Mahua ditempatkan dalam kerangka kesusasteraan nasional/Sastera Negara.

Hua Zong juga menyediakan Anugerah Penulis Muda Malaysia. Dua daripada penerima anugerah, Chong Yee Voon dan Chan Tah Wei telah banyak memenangi hadiah sastera utama di Taiwan, Singapura, Hong Kong dan China, sekali gus mengharumkan nama negara di persada kesusasteraan antarabangsa.

EKONOMI

A. Pendahuluan

Pencapaian ekonomi Malaysia di bawah Rancangan Malaysia Kelapan adalah stabil, jika bukan kerana isu 911 dan masalah SARS, pencapaian ekonomi kita akan lebih baik. Mengenai bidang politik, walaupun negara kita sudah mengalami pertukaran perdana menteri, tetapi polisi utama kerajaan masih tidak bertukar, semuanya berjalan dengan lancar dan stabil.

Walaubagaimanapun, kami berpendapat bahawa masih ada beberapa perkara mengenai bidang ekonomi di mana kerajaan perlu memberi perhatiannya. Kami mencadangkan supaya kerajaan menggunakan cadangan-cadangan berikut di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi kita:

- (1) Meningkatkan daya saingan negara
- (2) Membina semula sektor pembuatan
- (3) Membina semula sektor pertanian
- (4) Membina semula sektor perkhimatan
- (5) Membantu syarikat-syarikat kecil dan sederhana
- (6) Meningkatkan kualiti perkhimatan perbankan
- (7) Memperluaskan eksport negara ke lebih banyak negara
- (8) Meningkatkan keberkesanan perkhimatan awam
- (9) Menyemak semula rancangan penswataan
- (10) Menyemak semula polisi penggunaan buruh asing
- (11) Memerangsangkan sektor pembinaan

B. Cadangan

1. Meningkatkan daya saingan negara

Selepas ekonomi dunia memasuki era abad ke-21, terdapat banyak perubahan yang drastik. Bagi Malaysia, ia bukan hanya perlu menyahut cabaran AFTA, pada masa yang sama, ia pula perlu menghadapi cabaran WTO. Di samping itu, pada era yang baru, banyak negara yang sedang bangkit seperti China, India dan Vietnam, menyebabkan pembangunan ekonomi negara kita mengalami cabaran yang tidak pernah dialami pada masa dahulu.

Oleh yang demikian, untuk menghadapi keadaan dan cabaran yang baru itu, kami perlu memakai strategi pembangunan ekonomi yang langsung berbeza dengan masa dahulu.

Selepas peristiwa 13, Mei, 1969, kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru, kemudian diikuti oleh Dasar Pembangunan Negara. Kedua dasar ini memang sudah mencapai matlamat yang ditetapkan, iaitu membasmikan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat kita.

Pada era yang baru, kami menghadapi cabaran yang lebih serius, maka kami perlu perubahan yang lebih drastik, termasuk perubahan minda. Cabaran masa kini langsung tanpa mengira sempadan, warna dan agama dan ia adalah suatu persaingan yang adil dan saksama. Cabaran ini datang dari pelbagai pihak dan ia adalah suatu persaingan yang tiada apa-apa belas kasihan dan perlindungan. Di bawah keadaan ini, hanya yang terbaik akan hidup.

Kami berpendapat bahawa dalam keadaan begini, negara kita perlu memastikan semua pembangunan mestilah adil dan saksama, setiap rakyat mesti diberi peluang yang sama di bidang pendidikan untuk melatih generasi muda yang berfikiran sempurna. Setiap rakyat mesti diberi peluang yang sama di bidang pekerjaan berdasarkan amalan "meritokrasi". Pada masa yang sama, setiap rakyat mesti diberi kebajikan yang sama, benar-benar berdasarkan amalan tanpa mengira kaum dengan adil dan saksama untuk mengujudkan sebuah negara yang bersatupadu.

Dengan ini, kami baru boleh menghadapi cabaran yang akan datang ini.

2. Membina semula sektor pembuatan

Sektor pembuatan memainkan suatu peranan yang amat penting dalam struktur ekonomi negara kita. Mengenai Produk Kasar Dalam Negeri, sektor pembuatan berkadar 31.8% (2004), ia merupakan sektor yang kedua terpenting selepas sektor perkhimatan, ia dijangka mencapai kadar 32.3% pada tahun 2005. Mengenai eksport, produk sektor pembuatan berada dalam tempat yang terpenting. Tetapi, sektor pembuatan kita sentiasa terlalu bergantung kepada produk-produk elektronik dan elektrikal dan jentera-jentera, ketiga produk ini mengandungi 65.4% (2004) dari Produk Kasar Sektor Pembuatan dan pula mengandungi lebih kurang 50% dari jumlah eksport kita.

Usaha kerajaan yang terlalu bergantung kepada dua tiga produk itu adalah tidak sihat, ia harus diubah. Walaupun kerajaan cuba sedaya upaya untuk mempelbagaikan produk pembuatan kita, tetapi keadaannya masih tidak banyak berubah.

Oleh yang demikian, kami mencadangkan supaya kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan harus giat menggalakkan pembangunan industri berdasarkan sumber strategik kita, seperti industri berdasarkan getah, industri berdasarkan kayu, industri berdasarkan minyak kelapa sawit, industri berdasarkan cocoa, industri makanan berdasarkan tanaman pertanian, industri berdasarkan petroleum dan kimia dan sebagainya.

Di samping itu, kerajaan perlu mengetahui pertalian saling bantu-membantu di antara sektor pembuatan dan sektor perkhimatan, pada hakikatnya pembangunan pesat sektor perkhimatan akan mempertingkatkan daya saingan sektor pembuatan. Kerajaan perlu mengambil tindakan yang sesuai untuk menguatkan pertalian itu, terutamanya harus menggunakan perkhimatan berdasarkan pengetahuan (seperti teknologi infomasi dan komunikasi) di dalam sektor pembuatan.

Kerajaan harus menggalakkan sektor pembuatan kita memperolehi pengetahuan teknologi yang diperlukan dari pasaran antarabangsa, untuk meningkatkan sektor pembuatan kita. Amalan ini bukan sahaja boleh membantu asas pengetahuan teknologi kita yang agak ketinggalan masa, tetapi pula boleh menyesuaikan pengetahuan teknologi dan pasaran antarabangsa yang sering berubah itu. Pada masa yang sama, ia boleh mempercepatkan pembangunan sektor pembuatan dan daya inovasinya, ia juga boleh berada di depan permintaan pasaran.

Kerajaan harus giat menarik industri teknologi tinggi ke Malaysia, dan melalui saluran menarik pelabur asing, terutamanya bekerjasama dengan syarikat antarabangsa yang mempunyai kapital dan kemampuan teknologi, menubuhkan teknologi sendiri dan industri berdasarkan kapital tinggi kita. Pada era di mana pembangunan teknologi berkembang dengan pesat, terutamanya di bidang-bidang seperti telekomunikasi, komputer, produk biotek, alat canggih. Di antara teknologi tinggi itu, Malaysia perlu bekerjasama dengan syarikat antarabangsa yang mempunyai kapital dan teknologi dan menjadikan Malaysia sebagai tempat pembuatan di luar negeri mereka dan merupakan suatu komponen yang terdiri dari seluruh proses pembuatan antarabangsa dan sebahagian dari seluruh pasaran antarabangsa, melalui cara ini apabila faedah ekonomi mereka bersangkutan dengan faedah syarikat kerjasama Malaysia, maka mereka baru mempunyai obligasi membekal teknologi baru dan pengurusan moden yang berterusan kepada kita, kemudian industri berdasarkan teknologi baru Malaysia baru boleh menandingi teknologi canggih dunia. Melalui proses ini, menubuhkan teknologi dan pengurusan profesional kita sendiri dan menubuhkan dan mengembangkan industri berdasarkan teknologi kita.

Akhir sekali, kerajaan harus menggalakkan sektor pembuatan Malaysia mencari rakan kerjasama di seluruh dunia, menubuhkan satu "kelompok antarabangsa" untuk menggunakan teknologi, teknik dan pengetahuan yang mempunyai kelebihan di tempat

asalnya.

Konsep kelompok antarabangsa ini mesti melepassi "perhubungan ekuiti", termasuk perjanjian kontrak dan tidak semestinya bekerjasama melalui syer ekuiti sahaja.

3. Membina semula sektor pertanian

Setiap tahun, negara kita mengimport makanan dari luar negara yang berjumlah lebih RM100 juta (RM130 juta, 2003). Pada tahun 2003, kita mengalami kerugian berjumlah RM50 juta bagi pengimporan makanan sahaja. Selepas krisis kewangan, kerajaan mula giat membangunkan bidang pertanian dengan memberi pelbagai insentif dan keistimewaan, tetapi kesannya tidak berapa ketara. Sebab utama adalah kerana negara kita tidak mempunyai sesuatu sistem penjualan produk pertanian yang sempurna. Oleh yang demikian, harga produk pertanian selalu berada dalam keadaan yang tidak stabil. Sebab yang kedua adalah kerana negara kita tidak mempunyai kemudahan bantuan asas yang sempurna, ia meliputi sistem pengangkutan, sistem pasaran dan pertubuhan promosi. Bidang pertanian pula menghadapi kesukaran untuk mendapat tenaga kerja.

Pada masa kini, produk pertanian segar negara kita mencapai kadar 70% (berbanding dengan Negeri Thai, kadarnya adalah 30%) yang langsung tidak diproses semasa sampai ke pasaran pengguna, perkara ini tidak hanya menyebabkan kerosakan produk pertanian segar hingga sebanyak 30% semasa pengangkutan, ia pula mengakibatkan kos pengangkutannya tinggi, kualitinya tidak boleh dijamin dan lebih penting lagi adalah tidak boleh meningkatkan nilai tambahan kepada golongan petani, ini menyebabkan golongan petani sentiasa mendapat keuntungan yang rendah.

Pertubuhan perniagaan dan industri Cina selalu menyeru kerajaan mengubah polisi tanah pertanian supaya golongan petani mendapat tanah yang diperlukan oleh mereka, tetapi sampai masa sekarang, golongan petani masih menghadapi masalah

kekurangan tanah dan lebih teruk lagi, ada tanah yang sedang ditanam pula menghadapi risikonya tanah itu akan diambil balik oleh kerajaan.

Mengikut laporan Persatuan Petani-Petani Sayur Semenanjung Malaysia pada tahun 2000, ia menunjukkan bahawa petani-petani yang memiliki tanah kepunyaan sendiri hanya berkadar 11.86%, petani-petani yang memiliki tanah berlesen sementara hanya berkadar 18.64%, petani-petani yang menyewa tanah adalah berkadar 31.75% dan petani-petani yang memiliki tanah yang haram adalah berkadar 31.75%. Angka lain menunjukkan bahawa jumlah petani seluruh negara tidak sampai 10% dari jumlah penduduk Malaysia, 65% dari jumlah petani yang memiliki tanah yang tidak sampai satu hektar. Angka-angka tersebut menunjukkan golongan petani menghadapi masalah kekurangan tanah yang amat serius.

Kami berpendapat bahawa jika kerajaan ingin membangunkan sektor pertanian, kerajaan mesti mempunyai tanah, kemudahan bantuan asas yang sempurna, sistem pasaran dan sumber manusia, diharapkan pihak kerajaan dapat menyelesaikan masalah tersebut di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

Di samping itu, kami mencadangkan supaya kerajaan membangunkan bidang biotek dengan sungguh-sungguhnya, sebab negara kita mempunyai banyak sumber asli dan tanaman. Mengikut laporan Kementerian Pertanian dan Pertanian Asas, ia menunjukkan negara kita mempunyai 16 ribu jenis tanaman dan 150.5 ratus ribu jenis binatang. Jika kerajaan boleh menggunakan sumber pertanian itu dengan baik dan merealisasikan semua potensinya, maka usaha kerajaan untuk membina semula bidang pertanian kita pasti berjaya dan pada masa yang sama, bidang pertanian akan menjadi jentera pertumbuhan negara kita selepas bidang perkhimatan dan bidang pembuatan.

4. Membina semula sektor perkhimatan

Sektor perkhimatan merupakan bidang yang

terpenting sekali dalam struktur ekonomi negara kita, ia mengandungi 57.1% (2004) dari jumlah Produk Kasar Dalam Negeri. Kadar sektor perkhimatan bagi negara-negara kaya mencapai 70%, maka sektor perkhimatan kita masih mempunyai banyak ruang pembangunan.

Kami berpendapat bahawa bidang-bidang di bawah sektor perkhimatan yang harus dibangunkan adalah berkenaan dengan bidang teknologi informasi dan komunikasi dan bidang pelancongan.

Untuk menghadapi persaingan yang akan datang, negara kita telah membangunkan "multimedia super corridor" pada beberapa tahun yang lalu. Rancangan ini telah membawa banyak faedah kepada negara kita, terutamanya di dalam bidang pengkajian dan pembangunan, pencapaianannya memang di luar dugaan. Di dalam bidang eksport, pengeluarannya mencapai nilai sebanyak RM5.3 billion.

Pembangunan bidang teknologi informasi dan komunikasi adalah tiada had, kami berharap pihak kerajaan meneruskan pembangunan bidang itu dengan lebih giat lagi.

Di samping itu, bidang pelancongan merupakan bidang yang penting dalam sektor perkhimatan, bidang ini mencapai nilai RM30 billion pada tahun 2004 dan ia merupakan saluran pendapatan yang penting di negara kita.

Untuk membangunkan bidang pelancongan, melainkan menarik pelancong-pelancong dari sumber asalnya, ia pula perlu membangunkan pasarnya di China dan India, kedua negara yang sedang bangkit itu mempunyai pertalian yang kuat dengan kita dan mereka pula mempunyai ramai penduduk, potensi mereka memang tidak boleh diukur. Di samping itu, negara-negara Asia Barat pula boleh merupakan sumber pelancong kita yang penting. Oleh yang demikian, kerajaan perlu membangunkan pasaran pelancongan negara-negara tersebut.

Di samping membangunkan pasaran antarabangsa, kerajaan perlu memberi perhatiannya kepada pembangunan tempat-tempat pelancongan dalam negeri. Pada masa kini, kerajaan sudah

menubuhkan satu Yayasan Infrastruktur Pelancongan untuk membantu sektor pelancongan, di bawah Yayasan ini, kerajaan telah memperuntukkan RM400 juta sebagai Yayasan Pelancongan Khas bagi membantu sektor pelancongan membiayai kos pembinaan kemudahan pelancongan kecil. Tetapi, Yayasan ini menetapkan bahawa ekuiti syarikat pelancongan mesti mempunyai 60% syer Bumiputra. Kami mencadangkan kerajaan memansuhkan syarat ini supaya semua syarikat pelancongan boleh memohon kepada Yayasan ini untuk mempercepatkan pembangunan sektor pelancongan.

Di samping itu, kami berpendapat bahawa pelancongan perawatan adalah satu lagi bidang, kerajaan perlu memberi perhatiannya:

Oleh yang demikian, kami mencadangkan supaya kerajaan memakai strategi-strategi berikut bagi meningkatkan bidang pelancongan perawatan negara kita:

- (1) membekal perkhimatan perawatan yang berkualiti tinggi;
- (2) meningkatkan kuantiti dan kualiti profesional sektor perkhimatan perawatan;
- (3) mengadakan aktiviti-aktiviti pasaran yang diselaraskan dan bersepadu di luar negeri bagi mempromosikan sektor perkhimatan perawatan kita;
- (4) memberi bantuan cukai bagi membangunkan sektor perkhimatan perawatan kita; dan
- (5) sektor perkhimatan perawatan mesti diliberasaskan dan segala aktiviti-aktiviti iklan mesti diselaraskan, sebab maklumat yang cukup akan menyenangkan usaha mempromosikan sektor perkhimatan perawatan kita.

Untuk membina semula sektor perkhimatan, kami memcadangkan supaya kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, polisi dan strategi yang dipakai oleh kerajaan mesti memberi perhatiannya kepada perkara-perkara berikut:

- (1) menguatkan kapasiti dan kemampuan sektor perkhimatan dalam negeri dan meningkatkan sektor perkhimatan yang mempunyai kelebihan

persaingan;

- (2) melabur dalam sektor perkhimatan yang berpotensi pertumbuhan, mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang mempunyai nilai tambahan dan membangunkan ekonomi yang berdasarkan pengetahuan;
- (3) menggunakan peluang dengan sepenuhnya yang disediakan oleh WTO, memerlukan setiap ahlinya mesti meliberasikan pasaran mereka, mengambil bahagian dalam sektor perkhimatan yang telah dipilih diliberasaskan di negara kita dan luar negara;
- (4) menggalakkan sektor swasta giat mengambil bahagian dalam sektor perkhimatan yang berpotensi pertumbuhan, pada masa yang sama, meningkatkan produktivitinya dan keberkesannya. Pelabur asing akan terus digalakkan melabur dalam sektor yang berpengalaman tinggi dan berteknologi tinggi; dan
- (5) memberi perhatian kepada pembangunan sumber manusia untuk memenuhi sesuatu sektor perkhimatan yang moden dan mempunyai kelebihan persaingan.

5. Membantu syarikat-syarikat kecil dan sederhana

Di dalam proses pembangunan ekonomi kita, syarikat-syarikat kecil dan sederhana memainkan suatu peranan yang amat penting, mereka adalah penyokong kuat syarikat besar, membekal pelbagai komponen, alat ganti dan perkhimatian.

Di antara syarikat-syarikat yang berdaftar di Malaysia, ia mempunyai jumlah lebih 600 ratus ribu buah syarikat-syarikat kecil dan sederhana. Syarikat-syarikat ini bukan hanya mempunyai tempat yang penting di dalam ekonomi kita, tetapi pula menyediakan banyak peluang pekerjaan dan merupakan salah satu majikan-majikan yang terbesar.

Walaupun kerajaan giat menggalakkan pembangunan syarikat-syarikat kecil dan sederhana dan memberi pelbagai keistimewaan dan bantuan cukai, tetapi syarikat-syarikat ini masih menghadapi

banyak masalah, masalah terbesar adalah mengenai kewangan. Kami mencadangkan supaya kerajaan menubuhkan sebuah bank khususnya bagi syarikat-syarikat kecil dan sederhana, operasi bank ini mesti sama dengan Bank Pertanian. Semua peruntukan harus diperuntukkan oleh Bank Negara kepada bank itu dan syarikat-syarikat kecil dan sederhana boleh mendapat bantuan kewangan dari bank itu. Dalam proses pemprosesan pinjaman, semua proses permohonan pinjaman harus diringkaskan, faedah pinjaman harus lebih rendah berbanding dengan bank-bank lain, masa pembayaran balik pinjaman mesti lebih fleksible bergantung kepada keadaan setiap perniagaan. Kelulusan setiap pinjaman harus bergantung kepada piawai kebolehlaksanaan projek itu.

Di samping itu, kami mencadangkan supaya kerajaan memakai strategi-strategi berikut di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan untuk membantu syarikat-syarikat kecil dan sederhana:

- (1) kerajaan harus giat memimpin, merancang dan menyeleraskan pembangunan syarikat-syarikat kecil dan sederhana;
- (2) kerajaan harus giat membantu syarikat-syarikat kecil dan sederhana untuk meningkatkan keberkesanan dan daya saingan mereka supaya mereka boleh mengeluarkan produk-produk yang berkualiti dan memberi perkhimatan yang bermutu;
- (3) kerajaan harus giat menyediakan lebih banyak bantuan teknikal dan kewangan kepada syarikat-syarikat kecil dan sederhana untuk meningkatkan daya saingan pasaran dunia mereka;
- (4) kerajaan harus merangka rancangan latihan pekerja yang sempurna bagi membantu syarikat-syarikat kecil dan sederhana meningkatkan pengetahuan dan teknik pekerja-pekerja mereka;
- (5) kerajaan harus menyediakan bantuan teknikal tinjauan pasaran, teknik pembangunan produk dan bantuan teknikal projek kebolehlaksanaan bagi meningkatkan persaingan kelebihan syarikat-syarikat kecil dan sederhana;
- (6) kerajaan harus giat membantu dan menggalakkan syarikat-syarikat kecil dan sederhana menubuhkan jenama sendiri supaya tidak disingkirkan oleh arus globalisasi ekonomi;
- (7) kerajaan harus menyediakan kursus pengurusan moden dan latihan teknikal kepada pengurus-pengurus syarikat-syarikat kecil dan sederhana bagi meningkatkan pengetahuan dan teknik mereka;
- (8) Kerajaan harus menggalakkan dan membantu syarikat-syarikat kecil dan sederhana menjadi syarikat-syarikat berdasarkan pengetahuan;
- (9) kerajaan harus menyediakan bantuan promosi produk antarabangsa, rekabentuk dan bantuan teknikal pembungkusan supaya syarikat-syarikat kecil dan sederhana boleh memasuki pasaran antarabangsa;
- (10) kerajaan harus giat membantu syarikat-syarikat kecil dan sederhana menggunakan perniagaan elektronik bagi meningkatkan perniagaan mereka;
- (11) kerajaan harus membantu syarikat-syarikat kecil dan sederhana yang tidak berupaya bersaing supaya mereka boleh mengeluarkan produk lain yang mempunyai daya saingan atau membekal perkhimatan lain yang mempunyai persaingan kelebihan itu;
- (12) kerajaan harus menggalakkan syarikat-syarikat kecil dan sederhana menubuhkan kilang-kilang mereka berdekatan dengan kawasan strategik, seperti berdekatan dengan tempat asal sumber dan tempat yang boleh dapat ramai pekerja;
- (13) kerajaan harus menggalakkan syarikat-syarikat yang tidak mempunyai daya saingan bercantum untuk mencapai faedah skala ekonomi;
- (14) kerajaan harus menggalakkan dan membantu syarikat-syarikat kecil dan sederhana bekerjasama dengan syarikat antarabangsa dan kolej teknikal dan menubuhkan perhubungan rakan strategik bagi menguatkan syarikat-syarikat kecil dan sederhana menjadi pembekal-pembekal dunia yang berkemampuan; dan

- (15) kerajaan harus melonggarkan lagi syarat-syarat mengenai pelaburan asing bagi menarik lebih banyak pelabur asing ke Malaysia untuk membantu pertumbuhan syarikat-syarikat kecil dan sederhana.

6. Meningkatkan kualiti perkhimatian perbankan

Meskipun pada era baru, kami mementingkan liberalasi dan persaigan adil, tetapi masih terdapat sesuatu sektor yang unik di mana operasinya mesti dikawal dengan ketat, industri perbankan merupakan satu teladan yang baik. Kami meminta Bank Negara memantau pembangunan semua bank kita dengan teliti dan kesemuanya diperlukan memberi perkhimatian yang berkualiti kepada pelanggannya.

Mengikut satu tinjauan berdasarkan kebarangkalian yang dikendalikan bersama oleh Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia, Nanyang Siang Pau dan China Press, ia menunjukkan kebanyakannya responden menyuarakan ketidakpuasan terhadap kualiti perkhimatian perbankan kita, terutamanya berkenaan pelbagai yuran perkhimatian yang dikenakan kepada mereka. Mengenai tingkah laku dan pengetahuan pekerja-pekerja bank, tinjauan ini pula menunjukkan kebanyakannya responden tidak puas hati dengan mereka.

Untuk menyahut cabaran masa kini, kualiti perkhimatian perbankan mesti dipertingkatkan dengan lebih tinggi, kami mencadangkan supaya semua yuran perkhimatian yang dikenakan kepada pelanggan mestilah berpatutan dan bertelusan. Industri perbankan harus memberi latihan yang sama kepada semua kakitangannya untuk meningkatkan kualiti perkhimatian mereka.

Kerajaan perlu memastikan setelah industri perbankan dicantumkan, ia tidak akan mengakibatkan masalah "monopoli" berlaku, industri perbankan sepatutnya memberi perkhimatian yang lebih cemerlang, mengenakan yuran perkhimatian yang lebih munasabah dan mempunyai pentadbiran yang lebih cekap.

7. Memperluaskan eksport negara ke lebih banyak negara

Mengikut angka eksport negara kita pada tahun 2004, Amerika Syarikat merupakan negara yang paling besar bagi eksport kita, ia mengandungi 18.8% dari jumlah eksport kita. Singapura pula merupakan negara kedua besar bagi eksport kita, ia mengandungi 14.9% dari jumlah eksport kita.

Di samping itu, Asia Timur Utara (kecuali negeri Jepun) merupakan kawasan yang terbesar bagi eksport kita, ia mengandungi 19.7% dari jumlah eksport kita. Asia Timur Utara meliputi negara-negara seperti China (6.6%), Hong Kong (6.1%), Korea Selatan (3.6%) dan Taiwan (3.3%). Kesatuan Europah pula merupakan kawasan yang kedua besar bagi eksport kita, ia mengandungi 12.6% dari jumlah eksport kita. Kemudian, diikuti oleh negara-negara ASEAN (melainkan Singapura), ia mengandungi 10.1% dari jumlah eksport kita.

Oleh yang demikian, kami mencadangkan supaya kerajaan meningkatkan aktiviti-aktiviti ekonomi dengan negara-negara ASEAN bagi mengurangkan pergantungan kita kepada Amerika Syarikat dan Kesatuan Europah. Pada masa yang sama, kerajaan perlu mengeratkan aktiviti-aktiviti ekonomi dengan negara-negara terdiri dari Asia Timur Utara, terutamanya China dan Korea Selatan. Kerajaan boleh menjalin hubungan ekonomi lebih erat dengan China melalui Kumpulan ASEAN Tambah Satu.

Di samping itu, negara kita perlu menguatkan pertalian ekonomi dengan Australia, New Zealand, India, Pakistan, Bangladesh, Sri Lanka dan negara-negara yang terdiri dari Asia Barat. Pada masa yang sama, kerajaan pula perlu mencari pasaran yang baru seperti negara-negara Amerika Selatan, Afrika dan sebagainya.

8. Meningkatkan keberkesanan perkhimatian awam

Oleh kerana daya saingan negara kita di arena antarabangsa semakin merosot dan pada masa yang

sama, negara kita pula mengalami kesusahan untuk menarik pelabur asing ke Malaysia, maka negara kita perlu menubuhkan sebuah pentadbiran yang bersih dan lagi berkesan untuk meningkatkan daya saingan negara kita.

Di samping itu, kerajaan perlu mengambil tindakan yang tegas terhadap sesiapa kakitangannya tanpa mengira kedudukannya bagi mengurangkan birokrasi dan amalan rasuah.

9. Menyemak semula rancangan penswastaan

Olehkerana negara kita seringkali mengalami kegagalan banyak rancangan penswastaan kebelakangan ini dan menyebabkan banyak kesusahan dan kerugian kepada rakyat dan pada masa yang sama, merosakkan nama baik negara kita, maka kami menyeru kerajaan menubuhkan sebuah jawatankuasa pemantauan khas untuk memantau dan menilaikan segala operasi syarikat penswastaan itu, memastikan operasinya lebih berkesan dan benar-benar merealisasikan objektif kerajaan mengenai pelaksanaan polisi penswastaan. Di samping itu, kerajaan perlu memastikan syarikat penswastaan tidak boleh menaikkan harganya dengan sewenang-wenangnya, mengakibatkan kenaikan kos operasi dan membebankan rakyat dan seterusnya mengurangkan daya saingan peniaga kita di arena antarabangsa.

10. Menyemak semula polisi penggunaan buruh asing

Kerajaan perlu mengurangkan penggunaan buruh asing supaya negara kita tidak terlalu bergantung kepada buruh asing dan mengakibatkan keinginan sektor pembuatan dan sektor pertanian untuk menggunakan jentera dan teknik moden tidak kuat, ini akan menjadikan daya saingan negara kita di arena antarabangsa semakin merosot. Pada masa yang sama, penggunaan buruh asing secara meluas akan melucutkan peluang pekerjaan rakyat kita.

Oleh yang demikian, kami mencadangkan

supaya kerajaan menyemak semula polisi penggunaan buruh asing dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, merangka suatu polisi yang berkesan untuk meningkatkan daya saingan negara kita.

Kami pula mencadangkan supaya kerajaan perlu menyemak semula semua rancangan perswataan bagi menjadikan operasinya lebih telus dan tidak membebankan rakyat kita.

11. Memerangsangkan sektor pembinaan

Mengikut laporan Bank Negara pada suku keempat tahun 2004, ia menunjukkan bahawa sektor pembinaan mengalami pertumbuhan kemerosotan 3.3%. Walaupun sektor pembinaan hanya berkadar lebih kurang 4.5% dari Produk Kasar Dalam Negeri, tetapi sektor ini mempengaruhi lebih dari 140 industri-industri secara langsung dan tidak langsung.

Oleh yang demikian, kami menyeru kerajaan memperuntukkan lebih banyak peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan bagi memerangsangkan sektor pembinaan yang semakin teruk itu.

Daripada:

1. Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia
2. Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah China Malaysia
3. Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia
4. Jawatankuasa Koordinasi Tujuh Klan Utama Cina
5. Gabungan Persatuan Alumni Universiti Taiwan Malaysia
6. Nanyang University Alumni Association of Malaya
7. Persekutuan Persatuan-Persatuan Alumni Sekolah China Malaysia